


## Pencapaian 1 tahun: Apa kata Exco?

MEI 1-15, 2019

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Pulau Pinang sejak 2008:

## Rakyat syukur, corak pentadbiran banyak beri manfaat

**MELANGKAUI** 11 tahun Pakatan Harapan (PH) mentadbir Pulau Pinang, sebahagian besar warga negeri memikirkan persoalan sama ada aspirasi kehidupan mereka dapat dipenuhi berdasarkan prestasi Kerajaan Negeri sejak mengambil alih tampuk pentadbiran pada 2008.

Berdasarkan pengamatan, banyak yang berasa puas hati dan lega terhadap apa yang dilakukan kerajaan kini dalam menambah baik persekitaran, kebersihan dan lalu lintas. Usaha-usaha yang dilaksanakan selama beberapa tahun ini menyegarkan perasaan mereka untuk bersikap optimis terhadap masa depan negeri dan generasi akan datang.

Dalam pada itu, untuk menyaksikan Pulau Pinang yang lebih gemilang, sebahagiannya turut melontar pendapat untuk penambahbaikan di masa hadapan.

Wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF**, **NORSHAHIDA YUSOFF** dan **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN** mendekati masyarakat berbilang kaum dan peringkat umur untuk mengetahui pandangan dan aspirasi mereka terhadap pembangunan negeri.



***POSE*** **menarik Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada penganjuran Sayangi Penangku Treasure Hunt di Persiaran Karpal Singh, Sungai Pinang tahun lalu.**

### APA KATA MEREKA?



**SITI Masri Haini Abdul Malik.**

**SITI MASRI HAINI ABDUL MALIK**, 34, suri rumah berpuas hati terhadap pemerintahan Kerajaan Negeri yang diterajui PH.

"Sama ada di peringkat Negeri atau Persekutuan, saya merasakan pentadbiran sekarang lebih baik dan berasa lebih selesa berbanding kerajaan terdahulu.

"Bagi saya, di Pulau Pinang masih dalam keadaan terkawal kerana sekolah-sekolah dan KAFA di sini tidak mengenakan yuran yang mahal, hanya perlu bayar duit buku sahaja.

"Ini menunjukkan Kerajaan Negeri tidak membebankan rakyat," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

*(Sambungan di muka 15).*

# Souq Ramadan bukti Pulau Pinang negeri berkeusahawanan dan berkebajikan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN -** Penganjuran *Penang Souq Ramadan Bazaar 2019* yang memasuki tahun kesembilan bakal diserikan dengan 107 penyertaan daripada pihak hotel dan komuniti peniaga dari seluruh Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, sejak program tersebut diperkenalkan pada tahun 2011, terdapat peningkatan jumlah penyertaan oleh pihak hotel, kompleks membeli-belah, kedai-kedai perabot dan hiasan rumah serta peniaga-peniaga bazar Ramadan.

"Souq atau bahasa lazimnya bazar merupakan suatu konsep penjenamaan yang dilaksanakan secara serentak dengan menggunakan logo serta tema sama sempena bulan Ramadan di seluruh negeri Pulau Pinang.

"Penganjurannya mencatatkan pencapaian memberangsangkan saban tahun... peningkatan ini membuktikan aspirasi Kerajaan Negeri untuk menjadi sebuah negeri berkeusahawanan dan berkebajikan berada di landasannya yang tersendiri.

"Sebab itulah, pelbagai usaha dilakukan demi meningkatkan sektor ekonomi dan perdagangan tanpa meminggirkan mana-mana kaum di negeri ini.

"Malah, penganjuran ini berjaya mengumpulkan pelbagai lapisan komuniti peniaga dan pedagang untuk pelbagai jenis produk dengan tawaran harga yang sangat berpatutan," ujarnya ketika Majlis Pelancaran Penang Souq Ramadan 2019 di sini baru-baru ini.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Dato' Abdul Halim Hussain (Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan); Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang) dan Mohd. Bazid Abd. Kahar (Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC).




**TUN DR. Abdul Rahman Abbas (duduk tiga dari kiri) bersama-sama kepimpinan tertinggi Kerajaan Negeri merakamkan gambar bersama-sama wakil yang menjayakan penganjuran *Penang Souq Ramadan Bazaar 2019*.**

Penganjuran tahun ini bakal melibatkan beberapa kategori seperti Souq Promosi Ramadan, Souq Promosi Berbuka Puasa, Souq Bazaar Ramadan dan Souq Promosi Perabot Aksesori Hiasan Rumah yang akan berlangsung sepanjang bulan Ramadan dari 6 Mei hingga 4 Jun ini.

Dalam pada itu, Abdul Halim yang turut berucap pada majlis berkaitan memberitahu bahawa *Penang Souq Ramadan* yang dilaksanakan serentak di seluruh Pulau Pinang akan menggunakan logo dan tema yang sama.

"Matlamat program ini adalah untuk mewujudkan satu lagi produk perdagangan bagi Pulau Pinang yang meliputi acara promosi dan jualan.

"Serentak itu, atas keprihatinan Kerajaan Negeri, kira-kira 55 lesen perniagaan telah dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sempena bulan Ramadan," jelasnya.

# Penjawat awam diseru sumbang idea demi capai visi *Penang2030*

**PANTAI JEREJAK –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyeru penjawat awam Negeri agar saling menyumbang idea, saranan dan kerangka demi kelangsungan negeri dalam mencapai sasaran visi *Penang2030*.

Katanya, Kerajaan Negeri sentiasa bersikap terbuka untuk sebarang bentuk cadangan dan idea demi penambahbaikan dasar-dasar yang dilaksanakan.

"Kerajaan Negeri kini sedang dalam kerangka untuk menyiapkan perincian mengenai *Penang2030* dan selepas itu, dasar dan pelaksanaannya akan dilakukan serta melibatkan pelbagai sektor dan peringkat.

"Visi *Penang2030* ini perlu difahami kerana agenda ini akan menjadi tulang belakang dalam merencanakan pembangunan Negeri yang semestinya memerlukan kerjasama serta penglibatan terutamanya semua penjawat awam Pulau Pinang.

"Saya berharap anugerah (Anugerah Perkhidmatan Cemerlang) ini dapat menjadi pemangkin kecemerlangan untuk mencapai inspirasi Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai *'A Family - focused Green and Smart State That Inspires the Nation'*," ujarnya ketika hadir menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 di sini 10 April lalu.

Majlis bertemakan Integriti, Kreativiti dan Kegigihan Menginspirasikan Kecemerlangan berkaitan menyaksikan seramai 245 warga penjawat awam di bawah pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan-jabatan Negeri dan Badan Berkanun Negeri yang mempamerkan perkhidmatan cemerlang dan bermutu tinggi diberikan pengiktirafan.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu dan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Mohd. Ali Sebran.

Dalam pada itu, Kon Yeow mengajak para penjawat awam untuk melihat kepada cabaran yang perlu ditempuhi untuk meyakinkan para pelanggan bahawa perkhidmatan yang ditawarkan adalah cepat, tepat dan berkualiti.

"Sentimen dan isu-isu seperti kelewatan, kerenah birokrasi dan kepelbagaian *Standard Operating Procedure* (SOP) perlu terus diperbaiki agar sistem penyampaian pentadbiran awam sentiasa relevan dalam kalangan pelanggan.

"Inisiatif dan pemantauan secara berterusan perlu dilaksanakan dalam proses melestari dan meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam masa kini," jelasnya.




Oleh: **ME**

# Projek PIL1 peroleh kelulusan bersyarat laporan EIA, dijangka mula 2020

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah memberikan kelulusan bersyarat terhadap laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi cadangan pembinaan Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1) yang merupakan salah satu daripada komponen di bawah inisiatif Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa kelulusan tersebut dimaklumkan melalui sepucuk surat pada 10 April 2019.

"Surat kelulusan tersebut menyatakan bahawa laporan EIA bertarikh 2 Januari 2019 telah melalui penilaian serta pertimbangan oleh Jawatankuasa Teknikal Penilaian Laporan EIA, dan didapati memenuhi kehendak Seksyen 34A (2) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Susulan penilaian tersebut, laporan EIA dikemas kini dan dikemukakan kepada JAS pada 22 Mac 2019 yang mana laporan ini diluluskan bersama-sama 56 syarat utama yang hanya sah diterima pakai dalam tempoh dua tahun daripada tarikh surat kelulusan ini dikeluarkan," ujarnya pada sidang media di sini 15 April lalu.

Hadir sama, barisan Exco Kerajaan Negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Ketua SPV PTMP, Dato' Lim Hock Seng; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu serta wakil daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) dan SRS Consortium selaku rakan pelaksana projek.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa kelulusan laporan EIA berkaitan adalah suatu pencapaian besar yang membolehkan projek tersebut dilaksanakan.

"Malah, dengan kelulusan itu juga, visi Kerajaan Negeri untuk menangani kesesakan lalu lintas di negeri ini dapat direalisasikan melalui insiatif pembangunan infrastruktur pengangkutan.

"Langkah seterusnya adalah untuk mendapatkan kelulusan daripada jabatan-jabatan kerajaan berkaitan bagi memastikan pembinaan PIL 1 ini dapat dilaksanakan pada pertengahan tahun 2020 seperti yang disasarkan.

"(Dan) Kerajaan Negeri komited dalam memastikan pelaksanaan projek ini mematuhi segala syarat dan garis panduan JAS dengan mengguna pakai prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus pada setiap peringkat projek," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.



**KETUA Menteri sambil diiringi barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan salinan surat kelulusan berkaitan pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Kon Yeow memaklumkan bahawa fasa berikutnya adalah bagi mendapatkan reka bentuk terperinci dan pakej pelantikan kontraktor menerusi tender terbuka.

"Kerajaan Negeri juga giat mendapatkan kelulusan berkaitan bagi projek LRT (Transit Aliran Ringan) Bayan Lepas dan Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR) yang mana projek-projek ini akan menjadi pemangkin pembangunan Pulau Pinang untuk beberapa dekad akan datang.

"Saya yakin dengan pengumuman ini, Kerajaan Negeri akan menerima kertas-kertas cadangan daripada pihak-pihak yang berminat untuk turut serta membangunkan projek PIL 1," jelasnya yang turut menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses mendapatkan kelulusan EIA berkenaan.

Jajaran PIL 1 sepanjang 19.5 kilometer (km) tersebut adalah merangkumi seksyen jejambat sepanjang 7.6km, empat seksyen terowong dengan panjang keseluruhan 10.1km dan seksyen tambakan (embankment) 1.8km.

Difahamkan, jajaran PIL 1 bermula di Persiaran Gurney sehingga ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu berdekatan Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas IV.

Sebanyak enam *'interchange'* dicadangkan di lokasi strategik sepanjang jajaran berkaitan bagi penyuraian trafik yang efisien.

Projek pembinaan PIL 1 dijangkakan bermula Julai 2020 dan siap menjelang Jun 2026.

## Ketua Menteri perjelas fungsi sebenar MPFN berdasarkan Akta 172

**GEORGE TOWN -** Kenyataan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berhubung mesyuarat Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) bertarikh 18 April lalu tidak membuat sebarang kelulusan atau persetujuan ke atas Cadangan Projek Tebus Guna Selatan Pulau Pinang (PSR), patut tidak berbangkit lagi.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, MPFN dalam mesyuarat itu telahpun melaksanakan tugas-tugas majlis, berdasarkan subseksyen 2A(2) (b) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172), iaitu memberi nasihat terhadap permohonan PSR.



**ILUSTRASI grafik cadangan Projek PSR.**

Jelasnya, subseksyen berkenaan menyebut tugas-tugas MPFN adalah '... untuk menasihati Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri, mengenai perkara-perkara berhubungan dengan perancangan bandar dan desa yang dikehendaki di bawah Akta ini...'

Justeru, Kon Yeow menyeru semua pihak supaya kembali berpegang kepada peruntukan pada akta tersebut.

"Persoalan (PSR) ini masih belum mendapat kelulusan adalah tidak berbangkit lagi.

"Kalau dibaca pada kenyataan saya sejelas-jelasnya, saya tidak bercakap soal kelulusan, saya hanya bercakap mengenai setuju untuk dilaksanakan, tertakluk kepada pematuhan 18 nasihat dan lain-lain ulasan teknikal

"Berdasarkan Akta, fungsinya (MPFN) adalah memberikan nasihat... maka, kita konsisten berdasarkan akta ini," respons beliau pada sidang media di sini 19 April 2019.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus turut sertai sidang media tersebut.

## PIL1 bazir dana awam, Ketua Menteri sanggah dakwaan NGO

**AIR PUTIH -** Anggaran kos pemajuan *Pan Island Link 1* (PIL1) sebenarnya tidak membazirkan dana awam, sebagaimana didakwa dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam kenyataan dikeluarkan pada 16 April lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa tujuan pemajuan PIL1 adalah untuk menangani kesesakan trafik sehingga tahun 2035.

"Itu, komentar pertubuhan (NGO) itu sahaja, begitu banyak kajian dan kerja teknikal dilakukan oleh pelbagai perunding yang dilantik dalam projek (PIL1) ini.

"Tambahan pula, apa-apa kerja perlu mematuhi syarat-syarat yang telahpun ditetapkan, maka, apabila siap (pintasan) lebuh raya ini, ia bukan suatu pembaziran.

"Sebaliknya, suatu projek yang amat diperlukan... pada ketika ini pun, kita telah menghadapi keadaan lalu lintas yang begitu teruk, bayangkan kalau tidak ada projek ini, ianya akan mengakibatkan kehilangan yang besar kepada ekonomi Pulau Pinang.

"Kerana, kesesakan atas jalan raya tidak akan menambahkan produktiviti kita, sebaliknya menjejaskan produktiviti kita (iaitu) setiap pengguna jalan raya yang terperangkap dalam kesesakan lalu lintas," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi dalam sidang media mempromosi *Penang Hill Festival 2019* di puncak Bukit Bendera dekat sini pada 16 April 2019.

# HOC, peluang miliki unit kediaman berkualiti

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**SEBERANG JAYA -** Siri kedua Kempen Pemilikan Rumah (HOC 2019) sempena Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX) pada 12 hingga 14 April lepas menyaksikan 20 syarikat pemaju swasta menawarkan penjualan lebih 3,000 unit rumah mampu milik (RMM) dengan nilai hartanah keseluruhannya kira-kira RM3 bilion.

Ketika berucap, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyifatkan penganjuran HOC kali ini sebagai perkongsian pintar membabitkan Kementerian Kewangan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Negeri Pulau Pinang.

"Pembeli dalam HOC berpeluang menikmati faedah seperti pengecualian duti setem untuk unit kediaman melalui insentif termasuk diskaun minimum 10 peratus untuk semua hartanah dan pekej khas tambahan oleh pemaju hartanah tertentu.

"Bagi pembeli asing di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri bersetuju dengan permintaan REHDA untuk melanjutkan pengecualian tiga peratus yuran kelulusan yang dikenakan ke atas warga asing.

"Kerajaan Negeri akan terus mengekalkan kawalan ke atas harga untuk unit kediaman mampu milik pada harga RM42,000 seunit rumah Kos Rendah (KR) dan RM72,500 seunit rumah Kos Sederhana Rendah (KSR), RM300,000 had maksimum bagi RMM di bahagian pulau dan RM250,000 (siling harga maksimum) RMM di bahagian Seberang Perai.

"Sememangnya HOC ini adalah peluang bagi bakal pembeli untuk memiliki unit kediaman yang berkualiti dengan harga terbaik," ujarnya ketika menyempurnakan acara perasmian pameran hartanah tersebut di sini 13 April lalu.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Soon Lip Chee.



**SEBAHAGIAN pengunjung pada penganjuran MAPEX di sini baru-baru ini.**

# UTC Pulau Pinang di Komtar dijangka buka tahun depan

**PANTAI JEREJAK –** Pusat Transformasi Bandar (UTC) pertama di Pulau Pinang bakal dibuka dekat Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) tahun hadapan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika mengumumkan perkembangan terbaharu tersebut berharap pelaksanaannya kelak akan membawa lebih banyak perubahan positif kepada Komtar dan warga negeri.

Menurut beliau, kini, negeri hanya mempunyai Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) yang beroperasi di Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan (SPS).

"Kita (Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC) sedang melihat reka bentuknya yang akan membabitkan pengubahsuaian ruang-ruang berkaitan.

"Ia dijangka dimuktamadkan hujung tahun ini, dan siap beroperasi sepenuhnya pada tahun 2020," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada sidang media sejurus merasmikan Majlis Ulang Tahun Ke-50 PDC di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Pengurus Besar PDC, Mohd. Bazid Abd. Kahar dan Timbalan Pengurus Besar PDC, Yeoh Lean Huat.

Menurut Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong, UTC tersebut akan beroperasi di tingkat dua dan tiga, Komtar.

"Sehingga kini, sudah terdapat 22 UTC di seluruh negara, dan UTC Komtar ini akan menjadi yang terbaharu diwujudkan serta pertama di Pulau Pinang

"Terdapat lebih 15 agensi kerajaan dijangka akan beroperasi di sini kelak," jelasnya.

Difahamkan, antara agensi yang akan ditempatkan di UTC Komtar adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), JobsMalaysia, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Tabung Haji (TH), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Telekom, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pelbagai lagi.

Dalam pada itu, menurut Lean Huat, keseluruhan kawasan yang dicadangkan adalah 44,000 kaki persegi.

"Kita (PDC) masih melihat kepada spesifikasi, reka bentuk




**LAKARAN pelan bangunan yang dicadangkan untuk pembangunan UTC di Komtar.**

dan susun atur dalaman yang diperlukan.

"PDC bertanggungjawab untuk menyediakan kawasan premis ini untuk membolehkan agensi-agensi berkaitan masuk beroperasi, dan penyewanya iaitu Kementerian Kewangan (KKM) akan membayar caj sewa bulanan serta kemudahan pengurusan kepada PDC selaku pemilik hartanah," katanya.

## *investPenang* sangkal dakwaan syarikat antarabangsa tutup operasi

**GEORGE TOWN –** Pengarah investPenang (iP), Dato' Seri Lee Kah Choon menyangkal dakwaan yang tular di media sosial kononnya beberapa syarikat antarabangsa di negeri ini akan tutup, berpindah dan mengecilkan operasi masing-masing dalam masa terdekat.



**LEE Kah Choon.**

Kah Choon menerusi satu kenyataan medianya baru-baru ini memberitahu bahawa pihaknya telah menghubungi pengurusan kilang-kilang yang didakwa terbabit dan kebanyakannya menafikan ketepatan berita berkenaan.

"Kebanyakan syarikat-syarikat yang didakwa ini tersenarai dalam saham tempatan dan juga luar negara.

"Berita palsu seperti ini mungkin akan memberikan kesan buruk kepada harga saham dan juga semangat pekerja mereka.

"Syarikat-syarikat terlibat kini sedang mendapatkan nasihat undang-undang sebelum tindakan seterusnya diputuskan," katanya dalam satu kenyataan media di sini bertarikh 10 April lalu.

Mengulas lanjut, Kah Choon memberitahu bahawa pelaburan dan pekerjaan pembuatan di Pulau Pinang masih kekal stabil apabila 98 peratus daripada warga negeri mempunyai pekerjaan.

"Latihan penstrukturan semula sumber manusia biasanya dijalankan untuk memenuhi perubahan keadaan dan juga permintaan pasaran.

"Justeru, orang ramai dinasihatkan supaya tidak mengeluarkan berita palsu kerana ia adalah kesalahan di bawah Akta Anti-Berita Tidak Benar 2018 yang boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya sekali," tegasnya.

# Usaha semua pihak perlu dalam memacu kecemerlangan pendidikan, selaras visi *Penang2030*

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengalu-alukan usaha dan inisiatif pelbagai pihak untuk bersama-sama memacu kecemerlangan pendidikan negara termasuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan berkemahiran tinggi, selaras visi *Penang2030*.

Bertemakan *"A Family-focused Green and Smart State that Inspires the Nation"*, visi *Penang2030* diluncurkan pada Ogos 2018, menjadi suatu dasar ke arah kegemilangan serta kecemerlangan Pulau Pinang.

Akan tetapi menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, visi tersebut tidak akan dapat direalisasikan tanpa penglibatan semua lapisan masyarakat termasuk para pelajar hari ini.

"Kerajaan Negeri menyedari bahawa generasi muda hari ini adalah aset masa depan negara…yang akan meneruskan kesinambungan kemajuan dan kemakmuran dinikmati kini.

"Maka, kita semua perlu menggembleng segala usaha dan tenaga bagi mempersiapkan generasi muda kita dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran bagi melahirkan generasi yang seimbang bukan sahaja dari segi jasmani tetapi juga emosi, rohani dan tahap intelektual yang tinggi serta berdisiplin.

"Hari ini, seramai 303 pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) akan menerima pengiktirafan dan insentif tunai daripada Kerajaan Negeri atas kejayaan mereka.

"Syabas dan setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada semua kerana majlis anugerah ini merupakan penghargaan isitimewa Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengiktiraf pencapaian cemerlang para pelajar," ucapnya pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang SPM dan STPM 2018 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 20 April lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama



**KETUA Menteri, barisan pimpinan Kerajaan Negeri, para pelajar serta waris masing-masing bergambar kenangan pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang SPM dan STPM 2018 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Selain Islam merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Hal Ehwal Sekolah Cina dan Sekolah Mubaligh, Chong Eng serta wakil kepada Pengarah Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Hamidah Jailani.

Dalam pada itu, menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri tidak pernah melupakan mana-mana pelajar yang berjaya mencapai kecemerlangan dalam pendidikan.

"Kini, insentif sama iaitu RM1,000 kepada pelajar cemerlang STPM dan RM500 kepada pelajar cemerlang SPM akan turut diberikan kepada sembilan pelajar cemerlang kategori khas.

"Saya percaya, kecemerlangan para pelajar ini tidak lahir daripada usaha individu sahaja, tanpa bantuan guru dan ibu bapa, usaha mereka mungkin tidak ke mana.

"Syabas dan tahniah kepada para pendidik yang menunjukkan kegigihan dalam memastikan para pelajar ini mencapai kejayaan pada hari ini.

"(Dan) saya berharap agar anugerah yang diterima ini menjadi pemangkin kecemerlangan sekaligus menaikkan imej Pulau Pinang dalam usaha membawa negeri mencapai visi *Penang2030*," serunya.

Difahamkan, seramai 52 pelajar cemerlang STPM menerima insentif tunai berjumlah RM1,000 berserta sijil penghargaan dan RM500 serta sijil penghargaan bagi 251 pelajar cemerlang SPM bagi tahun 2018.

Turut menerima pengiktirafan adalah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Chung Hwa Confucian, George Town yang diumumkan sebagai penerima Anugerah Sekolah Terbaik STPM bagi tahun 2018 diikuti oleh SMJK Jit Sin, Bukit Mertajam (kedua) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Al- Irshad, Kepala Batas (ketiga).

Manakala bagi SPM pula, SMJK Jit Sin diumumkan sebagai Sekolah Terbaik diikuti oleh Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Kepala Batas (kedua) dan SMKA Al-Irshad (ketiga).

# "Buktikan kepada semua, walaupun saya macam ini, saya masih boleh berjaya"

**WALAUPUN** menghadapi kesukaran belajar atau disleksia, ia tidak menjadi penghalang untuk bekas pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Balik Pulau ini memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2018.



**MUHAMMAD Hamizan Mohd. Hawari.**

**MUHAMMAD HAMIZAN MOHD. HAWARI**, 18, memperoleh keputusan cemerlang 9A (4A+, 5A) dan dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pelajar Khas (OKU) Cemerlang SPM daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Beliau tidak pernah menjadikan kekurangan yang dihadapinya itu sebagai penghalang untuk cemerlang meskipun pernah menjadi mangsa ejekan rakan di sekolah.

"Saya memang tidak sangka langsung akan mendapat keputusan sebaik ini kerana saya belajar seperti pelajar lain juga.

"Ibu bapa menjadi 'guru kedua' saya yang sering membantu saya selain guru-guru dan rakan-rakan di MRSM Balik Pulau," katanya ketika ditemui sejurus Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) Tahun 2018 Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Berperwatakan ceria, Muhammad Hamizan memaklumkan bahawa beliau berhasrat untuk melanjutkan pelajaran dalam jurusan kimia dan kini masih menunggu tajaan biasiswa.

"Sewaktu di sekolah rendah dulu, saya bukanlah pelajar yang pandai…selalu dapat tempat *last* (kedudukan peperiksaan) dan saya tidak reti membaca.

"Saya juga sering dijadikan bahan ejekan ketika di sekolah dan suatu hari, saya rasa sangat geram (pada diri sendiri) dan bertekad untuk bukti kepada semua, walaupun saya macam ni, saya masih boleh berjaya.

"Jadi saya banyak membaca bagi memperbaiki ingatan saya secara konsisten dan saya akan lakukannya lima hingga enam jam sehari dan alhamdulillah, saya boleh berbangga dengan pencapaian saya kini," ceritanya yang juga merupakan seorang yang hiperaktif.

Bagi **AISYAH AYOB**, 18, bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Syeikh Abdullah Fahim, Nibong Tebal, perkongsian ilmu dengan rakan-rakan di sekolah membuatkan



**AISYAH Ayob.**



**NUR Syamimi Mat Radis.**

dirinya lebih yakin, sekaligus menjadi formula pencapaian cemerlang dalam SPM 2018.

"Saya sering menyertai *'study group'* dengan kawan-kawan untuk mengulang kaji subjek-subjek, melalui perbincangan kumpulan saya lebih mudah ingat.

"(Dan) saya sangat bersyukur, atas anugerah ini dan terima kasih kepada ibu bapa saya, terutamanya ayah saya yang sering ulang alik ambil serta hantar ke kelas tuisyen.

"Begitu juga guru-guru yang banyak berkorban masa dan tenaga," zahirnya yang turut menerima pengiktirafan Anugerah Pelajar Khas (OKU) Cemerlang SPM 2018.

Beliau yang mendapat keputusan cemerlang 4A, 2A-, 2B+, 3B berhasrat untuk kembali berkhidmat di Pulau Pinang apabila menjadi doktor gigi suatu hari nanti.

Seorang lagi penerima anugerah khas, **NUR SYAMIMI MAT RADIS**, 18, berhasrat untuk menyambung pengajian dalam jurusan perbankan di salah sebuah universiti awam di negara ini.

Berkongsi rahsia kejayaan, beliau sering mengamalkan solat sunat hajat dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki keputusan dalam peperiksaan di sekolah.

"Saya akan memberi tumpuan dalam kelas kerana mahu ilmu yang diajar itu mudah ingat dan diberkati…yang paling utama jangan tinggal solat," ujar anak kedua daripada enam adik beradik itu.

Apabila diajukan soalan sama ada beliau akan kembali berkhidmat di Pulau Pinang, secara ringkas beliau menjawab "Sudah pasti!".

Beliau yang merupakan bekas pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Perempuan Sri Mutiara memperoleh keputusan 3A-, 2B+ dan 3B dalam SPM tahun lalu.

Tidak lokek ilmu dan kerap bertanya kepada guru ketika di dalam kelas merupakan resipi kejayaan seorang lagi penerima anugerah khas, **NURBALQIS MOHD. KUSNI**, 21, dari Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan, Tanjung Bunga.

"Jangan malu bertanya kalau tidak tahu, saya sendiri banyak bertanya kepada cikgu ketika di dalam kelas.

"Jika diizinkan-Nya, saya ingin menjadi seorang pendidik… menjadi guru pendidikan khas untuk membantu mereka yang senasib dengan saya.

"(Dan) pastinya saya akan kembali berkhidmat untuk negeri tercinta," katanya yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.83 dalam STPM 2018 lalu.

Beliau turut menyifatkan kejayaannya adalah atas dorongan ahli keluarga serta guru-guru selain tidak menganggap kekurangan yang dialami sejak lahir itu sebagai satu kekurangan kepada dirinya.



**NURBALQIS Mohd. Kusni.**

# Program Semai Harapan sasar tanam 1,000 batang pokok setiap tahun

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ENG KOK WEI**

**MACHANG BUBUK –** Seramai 100 peserta terdiri daripada pelajar sekolah rendah di sekitar Bukit Mertajam mengambil bahagian dalam program Semai Harapan yang berlangsung dekat Taman Rimba Cherok To'Kun di sini.

Program tersebut merupakan anjuran Pejabat Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong bersama-sama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Junior Chamber International* (JCI) Malaysia.

Chee Keong berkata, objektif utama penganjuran program berkenaan adalah untuk menggalakkan kanak-kanak terutamanya pelajar sekolah supaya mencintai alam sekitar demi generasi masa hadapan.

"Program ini dinamakan sebagai Semai Harapan iaitu satu program menanam pokok Hujan-hujan yang menyasarkan 1,000 batang pokok ditanam setiap tahun dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Melalui program ini, kita mahu tanam benih pokok yang bukan sahaja dapat menceriakan kawasan Bukit Mertajam tetapi juga sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan pembangunan seimbang antara pembangunan fizikal serta alam sekitar," ujarnya semasa merasmikan program berkenaan pada 14 April lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon; Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Bernard Cheen Goon Hooi serta wakil-wakil daripada JCI Malaysia.

Dalam pada itu, Khai Loon yang turut berucap menyifatkan program berkenaan sebagai sesuatu yang menarik dan mampu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang alam sekitar.

"Kita mahu konsep Semai Harapan ini dapat diserap ke dalam diri setiap individu bagi memastikan masyarakat sentiasa menuju ke arah sikap yang lebih positif, membina sekaligus menjadikan negeri ini lebih baik dan hijau.

"Pelbagai aktiviti yang dijalankan ini juga dilihat berupaya meningkatkan kesedaran tentang kehidupan sihat, kitar semula, kepentingan menghasilkan kompos, penanaman pokok dan sebagainya.

"Langkah ini penting untuk menjaga alam sekitar bagi memastikan generasi akan datang dapat hidup dalam keadaan persekitaran yang kondusif," jelasnya.




**STEVEN Sim Chee Keong (barisan pertama, dua dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama wakil penganjur dan barisan peserta pada penganjuran program Semai Harapan di sini baru-baru ini.**

## Karnival Kayak Sungai Perai tambah elemen ekopelancongan tempatan

**SEBERANG JAYA -** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berharap Karnival Kayak Sungai Perai yang julung kali dianjurkan pada 7 April lalu menambahkan lagi elemen ekopelancongan di bahagian Seberang Perai terutama Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya turut berharap karnival seumpama itu dapat memupuk lagi perasaan cinta terhadap sungai dalam kalangan komuniti setempat.

"Karnival Kayak Seberang Perai ini adalah usaha untuk mencintai sungai kita, dengan pelbagai aktiviti ekopelancongan mesra alam," ujarnya sambil memberitahu bahawa karnival tersebut diadakan sempena sambutan Hari Tindakan Sungai Sedunia dekat Taman Rekreasi Awam Sembilang di sini.

Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Shuhada Abdul Rahim turut hadir pada acara tersebut.



**BEBERAPA peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran Karnival Kayak Sungai Perai di sini baru-baru ini.**

Menurut Afif, karnival tersebut dianjurkan secara bersama oleh *Zart Eventive Enterprise* dan agensi Persekutuan, Think City Sdn. Bhd. serta disokong Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang dan MPSP sendiri.

Selain kayak, senamrobik, bengkel membuat sabun, baja organik, bengkel *'kids eco art'*, kiosk pameran dan makanan serta *'picnic'* antara acara menarik sepanjang berlangsungnya karnival berkenaan.

## Amal gaya hidup dan pemakanan sihat demi cegah NCD

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU MAUNG –** Trend peningkatan bagi penyakit tidak berjangkit atau *non-communicable diseases* (NCD) seperti hipertensi, obesiti, diabetes dan hiperkolesterolemia dalam kalangan masyarakat adalah amat membimbangkan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain menyatakan bahawa peningkatan penyakit berpunca daripada tahap kesedaran masyarakat terhadap NCD serta komplikasinya adalah amat rendah.

"Misalnya, pengambilan garam yang berlebihan, kajian menunjukkan purata pengambilan garam sehari adalah melebihi lima gram (bersamaan satu paras sudu teh) yang disarankan.

"Pengambilan garam yang berlebihan bukan sahaja akan meningkatkan risiko hipertensi, malah juga boleh menyebabkan strok atau penyakit berkaitan jantung.

"Begitu juga obesiti dalam kalangan masyarakat kini yang semakin membimbangkan…kerana kita semua tidak memainkan peranan untuk mengamalkan budaya hidup serta pemakanan yang sihat," ucapnya pada Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2019 di sini 14 April lalu.

Mengulas lanjut, Abdul Halim yang juga Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan memberitahu bahawa langkah pencegahan dan intervensi perlu dijadikan amalan dalam kalangan masyarakat khasnya anak-anak yang masih di bangku sekolah.

"Ibu bapa perlu memainkan peranan dengan mengamalkan gaya hidup serta pemakanan yang sihat supaya boleh menjadi ikutan anak-anak sehingga mereka dewasa.

"Perubahan tingkah laku dengan membudayakan gaya hidup aktif perlu dimulakan pada awal usia kanak-kanak agar kita dapat melahirkan masyarakat yang sihat dan produktif pada masa hadapan," sarannya yang turut tidak ketinggalan melakukan saringan kesihatan percuma sejurus merasmikan acara berkaitan.

Hari Kesihatan Sedunia disambut pada 7 April setiap tahun dengan memberi peluang kepada semua individu seluruh dunia untuk mengamalkan amalan kesihatan yang betul dan baik.

# *'Terragraph'* bakal lengkapkan visi *Penang2030* sebagai bandar raya pintar, bertaraf antarabangsa

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang sekali lagi mendahului dalam transformasi digital negara dengan menawarkan perkhidmatan internet pantas tanpa wayar berkelajuan tinggi sehingga mencapai 170 megabait sesaat (Mbps).

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, beliau yakin dengan pemilihan George Town sebagai bandar perintis dalam program berskala besar *'Terragraph'*, ia akan merancakkan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah transformasi digital sebagaimana dihasratkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"Sejak diumumkan pada Februari lalu (oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo) dan bermula 1 Mac (2019), pihak berkaitan telah menguji capaian jalur lebar bagi kegunaan awam membabitkan lima zon di sekitar Tapak Warisan Dunia George Town.

"Kini, saya bersama-sama Datuk Bandar (Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang melihat sendiri status terkini projek perkhidmatan jalur lebar (WiFi) ini.

"Saya yakin, dengan pelaksanaan projek *'Terragraph'* yang disokong *Facebook* akan melengkapkan visi *Penang2030* ke arah menjadi bandar raya pintar serta bertaraf antarabangsa," ujarnya pada sidang media sejurus mengadakan tinjauan di hadapan Dewan Bandaraya dekat Jalan Padang Kota Lama di sini 19 April lalu.

Hadir sama, wakil daripada pembekal perkhidmatan YTL Communications Sdn. Bhd. (YTL) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Cawangan Pulau Pinang.

Difahamkan, sehingga 19 April lalu, YTL telah memasang 298 nod pemancar (peranti) di 160 lokasi terpilih dengan 40 titik capaian (AP) dan 71 akses jalur lebar tetap.

Menurut Jagdeep, masih terdapat 140 lokasi yang dirancangkan belum dipasang dengan nod pemancar, dan ia dijangka siap dalam tempoh terdekat.

"Memandangkan alat perantinya yang kecil dan mudah alih, maka ia dipasang di tiang-tiang lampu di sekitar George Town tanpa mengganggu struktur sedia ada.

"Malah di beberapa lokasi, perkhidmatan WiFi ini boleh mencapai kelajuan muat turun sehingga 170 Mbps iaitu 10 kali lebih pantas berbanding perkhidmatan WiFi awam lain di dunia.



**PEMASANGAN peranti kecil dan mudah alih yang dipasang tanpa mengganggu struktur sedia ada.**



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) memerhatikan peranti pemancar *Terragraph* pada sesi tinjauan beliau bersama-sama wakil-wakil terbabit di sini baru-baru ini.**

"(Dan) ujian kelajuan ini dilakukan oleh pihak SKMM yang mana saya telah meminta supaya mereka (SKMM) melakukan kajian lebih terperinci," katanya yang yakin bahawa Pulau Pinang mampu menerajui era baharu teknologi generasi kelima (5G) negara dengan pelaksanaan projek *'Terragraph'* berkaitan.

*'Terragraph'* adalah internet tanpa wayar berkelajuan tinggi diperkenalkan pada 2016 dengan memfokuskan penambahbaikan kualiti dan kelajuan penggunaan internet di kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi.

## Kempen 'Katakan Tidak Kepada Penyedut Minuman Plastik dan Plastik Sekali Guna' bakal diperluas

**PANTAI JEREJAK –** Sejak November 2018 hingga Mac tahun ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menganjurkan pendidikan awam kepada 1,311 premis makanan berlesen sekitar pulau berhubung kempen 'Katakan Tidak Kepada Penyedut Minuman Plastik dan Plastik Sekali Guna'.

Datuk Bandarnya, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, usaha tersebut merupakan kesinambungan daripada kempen yang dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan, malah Kerajaan Negeri kini dalam usaha untuk memperkasa dan memperluaskan kesedaran dalam kalangan rakyat mengenai peri pentingnya menjaga alam sekitar.



**AR. Yew Tung Seang (tiga dari kanan) dan barisan Ahli Majlis MBPP menunjukkan tanda bagus selepas menyerahkan poster kempen 'Katakan Tidak Kepada Penyedut Minuman Plastik dan Plastik Sekali Guna' di sini baru-baru ini.**

"Selain premis-premis makanan berlesen seperti pasar raya dan medan selera, kita (MBPP) juga bercadang untuk memperluaskan kempen ini di peringkat hotel, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA), stesen minyak serta restoran-restoran di negeri ini.

"Malah, MBPP juga menyasarkan golongan belia untuk menggalakkan mereka supaya tidak menggunakan bahan plastik seperti penyedut minuman dan plastik sekali guna yang jelas menjejaskan ekosistem alam.

"Kenapa belia? Ini kerana mereka adalah golongan terbanyak yang berkumpul di pasar raya dan gerai-gerai makan," jelasnya.

Sebelum itu, Tung Seang turut mengedarkan poster 'Tak Nak Straw' kepada premis makanan di Medan Selera Queens Hall, *Queensbay Mall* baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pelesenan MBPP, Azman Sirun dan Penolong Pengarah Queensbay Mall, Lee Sue Ling.

Menurut Sue Ling, pusat membeli-belah *Queensbay Mall* muncul sebagai pasar raya ketiga di negeri ini yang melancarkan kempen 'Katakan Tidak Kepada Penyedut Minuman Plastik dan Plastik Sekali Guna' selepas pasar raya *Gurney Plaza* dan *Gurney Paragon Mall* yang berada di bawah pengurusan sama serta mengambil inisiatif serupa.

"Kempen ini sememangnya mendatangkan kesan positif kepada alam sekitar, dan pada masa sama kita mahu mendidik umum untuk prihatin akan perihal alam sekitar.

"Disebabkan itu, pihak pengurusan tidak teragak-agak untuk bekerjasama dengan MBPP bagi menjayakan kempen kesedaran ini," ujarnya.



# *Ultrasound Handheld*, harap diperluas seluruh negara



**DR. Afif Bahardin (duduk) mendemonstrasikan peranti *Ultrasound Handheld* bersempena penganjuran *1st Northern Region Ultrasound Handheld Course* (NRUSH) di sini baru-baru ini.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Jabatan Kecemasan Hospital Seberang Jaya, Hospital Kepala Batas dan Hospital Bukit Mertajam kini dilengkapi dengan teknologi peranti *ultrasound* terkini dikenali sebagai *Ultrasound Handheld*.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, sejajar dengan Revolusi Perindustrian 4.0, kini kecanggihan teknologi mampu digembleng di dalam perawatan pesakit.

"Teknologi *ultrasound* memainkan peranan penting bagi pakar, doktor mahupun paramedik untuk mendiagnosis pesakit.

"Ini *(Ultrasound Handheld)* adalah inovasi terbaik yang boleh meningkatkan lagi kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan kepada pesakit sekaligus memudah cara para doktor untuk menjalankan tugas dan memberikan diagnosis yang lebih cepat serta tepat," ujarnya ketika merasmikan *1st Northern Region Ultrasound Handheld Course* (NRUSH) di sini 8 April lalu.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang (Perubatan), Dr. A. Elizabeth, Dr. Rafidah Md. Noor (Ketua Cawangan Pembangunan Kesihatan Keluarga), Dr. Norhasimawati Abdul Mutalib (Pengarah Hospital Kepala Batas) dan Dr. Nur Aslina Bahakodin (Pengarah Hospital Bukit Mertajam).

Difahamkan, Malaysia muncul sebagai negara pertama di Asia yang mengguna pakai peranti *Ultrasound Handheld* di 25 hospital dan Jabatan Kecemasan seluruh negara.

Justeru, Afif menzahirkan harapan agar penggunaan teknologi *Ultrasound Handheld* tersebut diperluaskan lagi di semua Jabatan Kecemasan hospital seluruh negara.

"Sebenarnya, ia tidak memerlukan kos yang terlampau tinggi, iaitu seunit sekitar RM50,000 sahaja dan harganya adalah separuh daripada kos *ultrasound* konvensional yang diguna pakai kini.

"Malah, dengan saiznya yang kecil, ia juga sesuai diguna pakai di luar hospital, dan saya percaya dengan kecanggihan teknologinya ia boleh dibawa ke lapangan untuk digunakan.

"Walau bagaimanapun, terpulang kepada Kementerian Kesihatan (KKM) kerana isu besar yang dihadapi kini adalah penyelenggaraan peralatan perubatan sedia ada.

"Saya dimaklumkan, kebanyakan peruntukan kini digunakan untuk memulih serta menggantikan alatan-alatan perubatan ini kepada yang lebih canggih dan baru," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Dalam pada itu, Pengarah Jualan Marche World (M) Sdn. Bhd. yang juga pengedar sah *Ultrasound Handheld*, Shuhaimi Alang Mahat memberitahu bahawa hasil *ultrasound* yang dilakukan ke atas pesakit boleh dilihat dan dicapai melalui aplikasi khas yang dimuat turun melalui telefon bimbit, komputer riba ataupun *iPad*.

"Capaiannya boleh dikongsi bersama lima peranti berasingan dan melalui teknologi *clarius cloud* membolehkan doktor mendapatkan pendapat kedua daripada konsultan mahupun pakar dengan cepat meskipun berada pada lokasi berbeza.

"Malah, melalui capaian internet peranti ini membolehkan penghantaran langsung *(live transmission)* dilakukan," jelas beliau.






# LRA Sungai Dua dipilih tapak lawatan teknikal Asiawater 2020


IR. Jaseni Maidinsa (dua dari kanan) pada sesi lawatan teknikal ke LRA Sungai Dua di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**SEBERANG JAYA** - Loji Rawatan Air (LRA) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) di negeri ini akan menjadi tapak lawatan teknikal industri untuk Ekspo & Forum Asiawater 2020.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa menyatakan bahawa ia adalah kali pertama loji rawatan air Pulau Pinang dipilih sebagai tapak lawatan teknikal industri bagi *Asiawater*.

"Edisi Ke-11 Asiawater 2020 akan diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 31 Mac hingga 2 April 2020.

"Acara ini akan mengumpulkan pakar-pakar air, profesional industri dan pelabur utama dari seluruh dunia untuk berkongsi pengetahuan, rangkaian dan meninjau potensi projek-projek usahasama.

"Peserta yang berhasrat melawat LRA Sungai Dua akan datang ke Pulau Pinang pada tahun 2020 untuk lawatan teknikal yang dijadualkan oleh *Asiawater*.

"PBAPP akan menjadi tuan rumah untuk lawatan teknikal di loji rawatan air terbesar (negara), dan paling penting di Pulau Pinang," jelasnya dalam sidang media di sini 18 April 2019.

Sebelum itu, beliau mengadakan lawatan teknikal di LRA Sungai Dua dekat Merbau Kudung.

## Pengusaha ladang khinzir digesa naik taraf ladang kepada sistem tertutup sebelum hujung tahun ini

**PANTAI JEREJAK –** Semua pengusaha ladang khinzir di negeri ini digesa untuk menaik taraf ladang masing-masing kepada sistem tertutup selewat-lewatnya pada hujung tahun ini.

Gesaan tersebut dibuat Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin sejajar dengan Enakmen Penternakan Babi 2016 yang diluluskan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada tahun 2017.

Afif berkata, enakmen diwartakan tersebut adalah langkah untuk menyelesaikan isu-isu pencemaran berkaitan khinzir yang telah berlanjutan hampir 40 tahun lalu.

"Pencemaran ini telah berlaku begitu lama, kita (Kerajaan Negeri) telah lihat kepada undang-undang sedia ada di bawah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Veterinar dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Jika sebelum ini pembuangan sisa najis khinzir ini terus disalurkan ke saliran melalui longkang dan masuk terus ke sungai.

"Namun, melalui enakmen yang diluluskan ini, ladang kini yang bersifat terbuka perlu diubah suai kepada ladang tertutup bagi menangani isu-isu pencemaran udara, bau, air dan lalat," ujarnya selepas merasmikan *1st Northern Region UltraSound Handheld Course* (NRUSH) di sini 8 April lalu.

Afif berkata demikian sebagai mengulas pertanyaan pihak media berhubung rintihan penduduk Kampung Air Melintas Kecil dekat Tasek Gelugor berhubung isu najis khinzir yang didakwa mencemari sungai berdekatan kampung berkenaan sehari sebelum itu (7 April 2019).

Mengulas lanjut, Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya memberitahu bahawa semua 156 pengusaha ladang khinzir berkenaan diberikan tempoh sehingga hujung tahun ini untuk menaik taraf ladang masing-masing sebelum tindakan penguatkuasaan dijalankan.

"Saya jangkakan bila kita (Kerajaan Negeri bersama-sama agensi berwajib) menjalankan penguatkuasaan nanti, semua ladang ini iaitu 147 di bahagian Seberang Perai dan pulau (sembilan) telah dinaik taraf sepenuhnya.

"Dengan cara ini saja dapat mengurangkan masalah pencemaran ini.

"Mengikut enakmen, jika ingkar, ladang-ladang ini boleh ditutup, justeru pengusaha masih diberikan peluang sehingga hujung tahun, walaupun pada asalnya perintah ini telah tamat pada tahun lalu (2018)," jelasnya.

Ketika ditanya berhubung dakwaan penternakan khinzir yang melebihi had, Afif sebagai respons menyatakan bahawa perkara itu tidak timbul ekoran Jabatan Veterinar Negeri sememangnya sentiasa memantau serta mengawal segala aktiviti pengusaha ladang.

"Jabatan Veterinar memang sentiasa memantau jumlah populasi, dan kini kita (Pulau Pinang) mempunyai sejumlah 300,000 populasi khinzir.

"Dan enakmen ini turut menyatakan berapakah populasi yang boleh diternak bagi setiap pengusaha berdasarkan kepada keluasan ladang masing-masing," ulas beliau.

## PETACH tubuh jawatankuasa khas tingkat potensi pelancongan Negeri

**GEORGE TOWN -** Badan Pembangunan Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Pulau Pinang (PETACH) menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras Bandar Berkembar dan Koordinasi Bandar Persahabatan bagi meningkatkan potensi pelancongan di negeri ini.

Pengerusinya, Yeoh Soon Hin berkata, langkah tersebut penting dalam usaha memperkasakan sektor ekonomi, pelancongan, sains serta teknologi dan warisan antara Pulau Pinang dengan bandar-bandar ternama lain di dunia.

"Melalui kerjasama ini, kita (Kerajaan Negeri) mampu mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan dan pelancongan kepada bandar-bandar terlibat untuk meningkatkan potensi pelancongan negeri.

"Melalui badan penyelaras ini juga, kita akan melihat keseimbangan sektor pelancongan di antara bahagian pulau dan Seberang Perai," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian pada sidang media di sini 11 April lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Komtar yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Dato' Ar. Yew Tung Seang; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud dan pegawai kanan Kerajaan Negeri daripada Badan Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) turut mengganggotai jawatankuasa tersebut.

Difahamkan, PETACH akan memberi fokus kepada menentukan hala tuju sektor pelancongan dalam merealisasikan Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang.

Malah, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika melancarkan PETACH pada 29 Januari lalu turut menyifatkan penubuhan badan tersebut sebagai penjenamaan semula bagi sektor pelancongan Pulau Pinang.


YEOH Soon Hin.

# Bengkel Pemantapan Seni Visual dan Batik diharap beri nilai tambah kalangan pelajar

Teks dan Gambar : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BATU MAUNG** – Kreativiti dan kesenian bukan lagi perkara asing, malah ia merupakan elemen yang turut diberi penekanan serta dititikberatkan dalam kalangan pelajar di negeri ini berasaskan penguasaan sains, teknologi, kejuruteraan, kesenian dan matematik (STEAM).

Menyedari kepentingan itu, Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain mengambil inisiatif menganjurkan Bengkel Pemantapan Seni Visual & Batik khusus untuk para pelajar Tingkatan 5 yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini.

Menurut beliau, kebiasaannya penggiat seni merupakan seorang yang kreatif, ia bukan sahaja mampu mereka cipta sesuatu yang luar biasa malah juga berinovasi tinggi.



**ABDUL Halim Hussan (berkemeja putih) turut mengambil bahagian bersama-sama para pelajar terlibat pada penganjuran Bengkel Pemantapan Seni Visual & Batik di sini baru-baru ini.**

"Di Pulau Pinang, bukan sahaja para pelajar perlu menguasai sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik, tetapi sejak dua tahun lalu, kita (Kerajaan Negeri) mula menumpukan elemen seni sebagai suatu bidang yang berpotensi untuk digarap," ujarnya ketika hadir merasmikan bengkel berkaitan dekat *Penang War Museum* di sini 6 April lalu.

Hadir sama, pengasas dan pemilik *Penang War Museum*, Johari Shafie dan Cikgu Ismail Ahmad iaitu seorang pesara guru berpengalaman lebih 30 tahun yang juga penyemak kertas Pendidikan Seni bagi SPM.

Pada penganjuran berkaitan, seramai 30 pelajar dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung dan Negeri Sembilan berpeluang mempelajari teknik menghasilkan batik ikat dan celup.

Mengulas lanjut, Abdul Halim yang juga Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan berharap bengkel tersebut mampu memberikan nilai tambah kepada kreativiti pelajar sekaligus menepati kehendak soalan SPM.

"Dengan ilmu dan pengetahuan yang dipunyai Cikgu Ismail, saya seru semua pelajar supaya mengambil kesempatan ini dengan menumpukan sepenuh perhatian dan lakukan yang terbaik dalam peperiksaan nanti," serunya.



**SEBAHAGIAN karya yang dihasilkan.**


MAHSURI SQUARE

PANGSAPURI KOS SEDERHANA @ BAYAN BARU BERTENTANGAN DENGAN SUNSHINE SQUARE



PANGSAPURI KOS SEDERHANA
29 TINGKAT DENGAN KEMUDAHAN REKREASI

KELUASAN BINAAN
1129 KPS

1. Harga Minima - RM430,000 (beserta 1 tempat letak kereta)
2. RM445,000 (berserta 2 tempat letak kereta depan belakang)
3. RM455,000 (beserta 2 tempat letak kereta bersebelahan)
4. Harga Maksima - RM490,000 (beserta 3 tempat letak kereta bersebelahan)






- Rekabentuk moden menjadikan MAHSURI SQUARE, satu projek perumahan yang unik dan menarik.
- Menawarkan kemudahan-kemudahan rekreasi yang sederhana dan selesa seperti berpagar & terkawal dengan CCTV & sistem kad akses, kolam renang, gim, taman permainan kanak-kanak dan dewan serbaguna.
- Terletak di pusat bandar Bayan Baru dengan pelbagai kemudahan awam seperti SPICE Arena Penang (PISA), USM, Hospital Pantai Mutiara, Sunshine Supermarket, Queensbay Mall, Kompleks F&B, dan pasar.

Pembeli yang berminat, sila hubungi:
SERAIMAS BINA SDN. BHD. (250445-V)
3,3A & 3B, Lebuh Tenggiri 2, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Perai, Pulau Pinang.
T 04-398 9100 / 012-429 8953 F 04-398 9049 E seraimas1@gmail.com

| | |
|---|---|
| No. Lesen Pemaju | : 7042-4/09-2019/02609(L) |
| No. Permit Pengiklanan | : 7042-4/09-2019/02609(P) |
| Jenis Perumahan | : 29 Tingkat Pangsapuri Kos Sederhana |
| Pihak Berkuasa Yang Meluluskan | : MBPP (Dahulu dikenali sebagai MPPP) |
| No. pelan bangunan | : MBPP/OSC/PB8245/15(LB) |
| No. pelan susunatur | : MPPP/OSC/PM2007/13(LB) |
| Harga Jualan | : RM430,000(Min.)-RM490,000(Mak.) |

| | |
|---|---|
| Tempoh Sah | : 6/9/2018 - 5/9/2019 |
| Tempoh Sah | : 6/9/2018 - 5/9/2019 |
| No. of Units | : 321 unit |
| Tarikh dijangka siap | : Sep 2019 |
| Pajakan tanah | : TIADA |
| Hakmilik Tanah | : Pajakan 99 tahun |
| (Tarikh tamat tempoh pajakan: 4 Mei 2113) | |

# Sumbangan ADUN ringankan beban pesakit Talasemia Major

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADUN**

**PAYA TERUBONG –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin menyampaikan sumbangan berupa peralatan perubatan *'syringe driver'* bernilai RM2,900 bagi meringankan beban seorang pesakit Talasemia Major, Nur Hazwani Zainal Abidin, 26.

Sumbangan disampaikan Soon Hin sendiri semasa melawat ke kediaman Nur Hazwani dekat Taman Lone Pine di sini 14 April lalu.

"Alatan perubatan ini sangat diperlukan oleh Nur Hazwani untuk menstabil dan mengeluarkan lebihan zat besi di dalam badannya.

"*'Syringe driver'* yang digunakan beliau sebelum ini dipinjam daripada pihak hospital, tetapi kini beliau telah diminta untuk membeli sendiri peralatan ini.

"Disebabkan kemampuan kewangan dirinya terhad, saya hulurkan bantuan perubatan ini bagi memudahkan beliau menjalankan proses perubatan setiap hari.

"Saya juga akan merujuk kes Nur Hazwani kepada badan-badan kebajikan berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarat, Zakat Pulau Pinang, pejabat Exco dan lain-lain untuk membantu mendapatkan bantuan kewangan bagi tujuan perubatan lanjutnya," katanya yang juga Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara.

Dalam pada itu, Nur Hazwani memberitahu bahawa beliau mula dikesan menghidap Talasemia seawal usia tiga bulan dan menyebabkan beliau membesar dalam keadaan serba terbatas berbanding insan-insan lain.



YEOH Soon Hin (kanan) meneliti beberapa bekalan dan peralatan perubatan Nur Hazwani Zainal Abidin pada lawatan beliau di sini baru-baru ini.

Penyakit tersebut katanya, menyebabkan beliau mudah penat selain terpaksa menjalani proses perubatan yang mengambil masa kira-kira 14 hingga 17 jam dengan kekerapan lima kali seminggu.

"Sebelum ini, saya pernah bekerja sebagai pembantu jualan, tetapi terpaksa berhenti kerana kerap jatuh sakit.

"Diharapkan dengan adanya *'syringe driver'* sendiri, saya tidak perlu lagi berulang-alik ke hospital setiap minggu untuk mendapatkan rawatan.

"Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada YB (Yeoh Soon Hin) kerana bermurah hati menyumbangkan peralatan perubatan ini," ujarnya sambil memberitahu bahawa kos perbelanjaan minimum RM90 sebulan diperlukan untuk rawatan berkaitan.

Talasemia merupakan sejenis penyakit kecacatan darah yang diwarisi, iaitu diwariskan daripada ibu atau bapa kepada anak.

Kecacatan genetik menyebabkan hemoglobin dalam sel darah merah menjadi tidak normal menyebabkan pesakit Talasemia tidak dapat menghasilkan hemoglobin yang mencukupi dalam darah mereka.

Hal ini menyebabkan pesakit kelihatan pucat, berasa lesu, tidak bermaya, dan mungkin sesak nafas sekiranya paras hemoglobin semakin menurun.





DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA
RM200,000 (MIN)
RM1,023,472 (MAX)

KEHIDUPAN YANG DIIMPIKAN
SUASANA KEDIAMAN YANG SELESA & TENANG

Anda akan disambut dengan kehijauan & keindahan landskap. Anda juga akan kagum dengan keindahan elemen air di kawasan anjung utama yang menambah nilai kepada reka bentuk yang elegen kepada unit tersebut disepadankan dengan koridor bebanan tunggal yang akan memberikan suasana tenang dan privasi. Pemandangan yang jelas disertakan dengan pengudaraan & pencahayaan yang optima sambil menikmati ketenangan & keceriaan gaya hidup yang selalu anda impikan.





Prime Penthouse | Executive Home | Deluxe Home
Luas Binaan: Anggaran 1,080sq.ft. - 2,260sq.ft.




A Project Managed by GSD
Corfield Development Sdn Bhd (1162347-P)
Sales Gallery Lot 30, Persiaran Relau, Bayan Lepas, 11900 Pulau Pinang.
F 04-6467 932 M 012-4760 932 / 012-5243 932 FB www.facebook.com/SenzVilles

1700 818 365
www.SenzVilles.com.my

Pemaju: Corfield Development Sdn Bhd • No. Syarikat: 1162347-P • No. Lesen Pemaju: 19142-1/09-2019/0702(L) • Tempoh Sah: 15/09/2017 - 14/09/2019 • No. Permit Iklan & Jualan: 19142-1/09-2019/0702(P) • Tempoh Sah: 15/09/2017 - 14/09/2019 • Parcel Aksesori Tempat Kereta (Kecuali Tempat Letak Kereta Pelawat dan OKU) • Tarikh Dijangka Siap: Julai 2020 • Hakmilik Tanah: Hakmilik Kekal • Pajakan Tanah: Bebas • Pelan Diluluskan Oleh: MBPP • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB(9310)/17(LB) • Jenis Pembangunan: Pangsapuri • Bilangan unit: 397 unit • Harga: RM200,000 (Min) RM1,023,472 (Max) • Harga Standard: RM660,990 • 5% Bumiputera Diskaun

Semua lukisan dan ilustrasi yang terkandung di dalam iklan ini ialah lakaran pelukis semata-mata. Semua pelan, spesifikasi, ukuran dan maklumat terkandung adalan tertakluk pada perubahan, pembetulan dan pertukaran seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau arkitek projek tanpa notis terdahulu kepada pembeli dan tidak boleh membentuk sebagai sebahagian daripada tawaran atau kontrak.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Program-Program Emas




Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | Vadi Velan A/L Subramaniam | Seberang Perai Selatan | | 011 - 1144 1816 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# Usahawan muda melalui pembangunan e-dagang, fokus Abdul Halim

**TANGGAL** 9 Mei 2019 menyaksikan ulang tahun pertama manifesto Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang bertemakan 'Saya Sayang Pulau Pinang' selepas menang bergaya pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu.

Dengan menawarkan 68 akujanji, Pakatan Harapan Pulau Pinang pada mulanya dilihat berdepan cabaran besar dalam memenuhi janji-janji tersebut.

Walau bagaimanapun, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow pernah menyebut bahawa beliau yakin Kerajaan Negeri mampu merealisasikan janji-janji itu berdasarkan gabungan barisan Exco lama dan yang baru dilantik.

Antaranya, Dato' Abdul Halim Hussain yang dilantik buat pertama kali sebagai Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan.

Justeru, wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** bersama-sama jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** berkesempatan menemu bual Abdul Halim untuk melihat sejauh mana pelaksanaan janji-janji manifesto di bawah portfolio yang dipimpin beliau.

### Pembangunan Keusahawanan

Menurut Abdul Halim, kesemua lima janji yang ditawarkan di bawah portfolio Pembangunan Keusahawanan telah berjaya dilaksanakan dan program-program tersebut kini sedang berjalan selain akan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Jelas beliau, antaranya adalah Skim Pinjaman Harapan (SPH) yang dahulunya dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) telah berjaya memanfaatkan seramai 1,800 peminjam aktif sejak dilancarkan pada 2009.

"Tetapi, kita (Kerajaan Negeri) bukan hanya melaksanakan janji manifesto semata-semata, malah kita juga akan menambah baik program-program ini untuk menaik taraf usahawan-usahawan ke satu lagi *level* melalui kerjasama dengan pelbagai agensi termasuk peringkat Persekutuan.

"Matlamat kita adalah untuk melahirkan lebih ramai usahawan teknologi seperti *Grab, eBooks* dan saya rasa Pulau Pinang boleh memimpin cuma perlu tingkatkan lagi jumlah peruntukan," ulasnya lanjut.

Tambah Abdul Halim, bagi mencapai maksud tersebut, Kerajaan Negeri perlu memimpin generasi muda dengan menyediakan pelbagai sistem sokongan melalui kerjasama bersama-sama industri, universiti, institusi pendidikan dan sebagainya untuk membangunkan bakat bagi mengisi matlamat Revolusi Industri 4.0.

"Di Pulau Pinang kalau berdasarkan kajian oleh *Penang Institute* (PI) menunjukkan bahawa penggunaan e-dagang tak sampai lima peratus, sedangkan kita kini berada dalam dunia digital.

"Oleh hal demikian, kita sudah memulakan program pemasaran digital iaitu e-dagang untuk memberi pendedahan kepada para usahawan di Pulau Pinang mengenai platform ini.

"(Dan) untuk tahun ini, kita sasarkan seramai 500 usahawan akan menjalani latihan pemasaran digital," katanya.

Sebagai rekod, SPH merupakan skim pinjaman mikro kredit dengan jumlah pinjaman antara RM1,000.00 hingga maksimum RM25,000.00 dengan tempoh bayaran balik antara satu hingga tiga tahun.

Sejak 2009 hingga kini, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah mengagihkan kira-kira RM15.15 juta kepada 3,060 peminjam SPH di semua daerah di Pulau Pinang.

### Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri

Abdul Halim yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri kini sedang berusaha untuk meningkatkan perdagangan antarabangsa di negeri ini sama ada antara wilayah, negeri atau negara.

"Rancangan saya adalah untuk mengembalikan kegemilangan Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan antarabangsa seperti mana pada kurun ke-17 dulu.

"Selain menjadi pusat pembuatan industri elektrik dan elektronik (E&E) serta semikonduktor, Pulau Pinang juga perlu menjadi pusat perdagangan antarabangsa khususnya di rantau ASEAN.

"Hal ini kerana, kita (Pulau Pinang) ada kemudahan logistik, kecekapan operasi di lapangan terbang, pelabuhan, infrastruktur, pengangkutan darat serta pergudangan yang patut kita manfaatkan bagi mencapai matlamat ini," ujarnya.

Menurut Abdul Halim, Kerajaan Negeri juga melalui Halal Penang baru-baru ini berjaya menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama-sama Zon Bebas Lapangan Terbang Dubai bagi menjalinkan kerjasama dalam projek Pulau Pinang sebagai pintu masuk perdagangan di Asia.

"Sebab Pulau Pinang mempunyai lokasi yang strategik, cuma apa yang perlu kita lakukan adalah melengkapkan fasiliti seperti pergudangan, lapangan terbang, logistik dan sebagainya," jelasnya.



ABDUL Halim Hussain.

### Hal Ehwal Pengguna

Selain memfokuskan hak-hak pengguna, Abdul Halim memberitahu bahawa Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan serius terhadap aspek kos sara hidup rakyat.

Ulas beliau, pelbagai inisiatif dilaksanakan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah kenaikan kos sara hidup rakyat, antaranya dengan melancarkan program *Mutiara Food Bank*.

"Selain itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjalankan pemantauan harga yang berterusan terutamanya pada musim perayaan bagi mengelakkan berlakunya masalah pencatutan harga.

"Terbaru, Kerajaan Negeri akan melancarkan *'PG Mall'* iaitu satu platform membeli-belah secara dalam talian yang menyediakan jualan terus kepada pengguna dengan harga lebih murah," katanya.

Sebagai rekod, lima janji yang dilaksanakan adalah menyediakan peruntukan RM50 juta untuk pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (SME); mewujudkan Tabung Benih Industri 4.0 (i4.0) Pulau Pinang dengan peruntukan berjumlah RM4 juta; mengekalkan Pulau Pinang sebagai pilihan utama pelaburan; memperkasa SPH dan memperkasakan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM).

## Pembangunan infrastruktur demi manfaat rakyat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**EXCO** Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari memberi jaminan bahawa projek pembangunan infrastruktur yang sedang dibangunkan mahupun sedang dirancang di negeri ini akan memanfaatkan rakyat secara keseluruhannya pada masa hadapan.

Menurutnya, ada beberapa projek yang sudah mendapat persetujuan bersyarat daripada Kerajaan Persekutuan, dan ada yang masih perlu menunggu keputusan atau belum dibawa ke peringkat berikutnya untuk persetujuan.

"Di bawah portfolio saya sendiri ada projek yang kita (Kerajaan Negeri) telah memulakan langkah-langkah sewajarnya, namun kebanyakannya memerlukan (tempoh) masa yang agak lama untuk disempurnakan.

"Misalnya bagi projek rancangan tebatan banjir (RTB), RM150 juta telah diperuntukan dan projek masih dijalankan di pelbagai peringkat, walau bagaimanapun, ia masih belum siap sepenuhnya dan memerlukan sedikit masa lagi.

"(Hal ini kerana) projek RTB ini membabitkan infrastruktur yang rumit, tempoh masa agak lama dan bagi pihak Kerajaan Negeri sedaya-upaya kita akan cuba mengurangkan gangguan di persekitaran kawasan projek.

"(Dan) ia merupakan satu cabaran yang sangat besar kerana adakala kita terpaksa tutup jalan dan ia akan mengganggu aliran trafik.

"Namun, saya percaya ia hanya sementara projek siap, apabila siap ia akan memberi manfaat kepada rakyat, dan kami di pihak Kerajaan Negeri akan memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat adalah yang terbaik," katanya pada sesi wawancara khas sempena ulang tahun pertama menjawat jawatan Exco berkaitan.

Jelas Zairil, infrastruktur asas yang ada di Pulau Pinang kebanyakannya sudah lama.

"Di bahagian pulau misalnya, kita tidak mempunyai 'ruang' untuk mengembangkannya, tetapi pada masa sama, kita perlu memastikan pembangunan infrastruktur bukan sahaja bertaraf dunia tetapi juga mampu meningkatkan mobiliti kepada rakyat," ujar Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga itu.

Beliau turut memberitahu bahawa Kerajaan Negeri bersama-sama pihak berwajib akan memantau secara berkala di kawasan pembangunan berkaitan.

"Misalnya, kita mengadakan pemantauan bersama-sama Jabatan Pengairan dan Saliran bagi memastikan Pelan Pengawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) dipatuhi.

"Meskipun terdapat pihak kontraktor yang tidak

(*Sambungan di muka 15*).

*(Sambungan dari muka 14).*

# Manifesto, komitmen Kerajaan Negeri tunai janji



ZAIRIL Khir Johari.

mengikut pelan, Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan sewajarnya seperti mengeluarkan notis pemberhentian kerja (SWO) dan mengenakan denda.

"Namun, saya berharap agar undang-undang kecil sedia ada dapat dikaji semula bagi meningkatkan jumlah kompaun, dengan cara ini, saya rasa pihak kontraktor akan lebih prihatin…semestinya Kerajaan Negeri memandang serius perkara ini," tegasnya.

Dari segi utiliti, Zairil memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri kini sedang berusaha untuk berbincang dengan pihak berwajib mengenai masa depan sumber tenaga di bahagian pulau.

"Stesen janakuasa sedia ada sudah 'kehabisan' tenaga dan masih di peringkat cadangan untuk membuat *'overhead line'* yang mana kita perlu menarik kabel dari stesen janakuasa di Perai ke bahagian pulau.

"Hal ini kerana, tenaga adalah sumber yang sangat penting bagi Pulau Pinang terutama di kawasan perindustrian Bayan Lepas yang memerlukan sumber tenaga stabil serta berterusan.

"(Dan) kita sedang berusaha ke arah menjamin sumber tenaga untuk suatu tempoh yang agak panjang pada masa hadapan," jelasnya.

**Kerajaan Negeri komited tunaikan janji Manifesto PRU14**

Secara peribadi, Zairil menyatakan bahawa janji-janji dalam Manifesto Pakatan Harapan Pulau Pinang pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) tercapai.

"Dari segi pencapaian, banyak janji-janji yang terkandung dalam manifesto tersebut telah dicapai.

"(Janji-janji) yang belum dicapai itu tidak bermakna kita (Kerajaan Negeri) berdiam diri, sebaliknya memerlukan sedikit masa untuk penelitian atau mungkin wujud kekangan tertentu dan sebagainya atau memerlukan kelulusan pelbagai peringkat yang memakan masa.

"Jadi sebagai rakyat, mereka perlu memahami bahawa Manifesto Pakatan Harapan Pulau Pinang adalah manifesto untuk dicapai dalam tempoh lima tahun, bukannya untuk setahun.

"Jadi, adalah wajar untuk kita semua memberikan sedikit masa kepada pihak kerajaan untuk menunaikan janji-janji

"(Dan) yang paling penting adalah komitmen Kerajaan Negeri untuk menunaikan janji itu ada," katanya.

*(Sambungan dari muka 1).*

# "Kerajaan Negeri tidak bebankan rakyat"

Bagi **G. DEVI**, 61, yang sememangnya bergantung kepada pengangkutan awam untuk bergerak melahirkan rasa syukur kerana warga emas seperti beliau hanya perlu membayar separuh daripada harga tiket biasa.

"Harga tiket yang dikenakan adalah munasabah memandangkan kami pun tak bekerja. Namun, sistem masa ketibaan bas perlu diperbaiki, sekarang bas datang tak tentu masa dan kadang-kadang tiba serentak.

"Dan… jika bolehlah Kerajaan Negeri wujudkan peluang pekerjaan kepada warga emas yang masih mampu bekerja seperti kerja-kerja kebersihan, ini sedikit-sebanyak mampu menampung kos kehidupan rakyat," ujarnya yang turut berpuas hati dengan kebersihan persekitaran Pulau Pinang kini.



G. Devi.



CHIA Weng Seng.

**CHIA WENG SENG**, 21, seorang jurujual pula memberitahu bahawa beliau merasa selesa dengan corak pentadbiran PH yang banyak memberi manfaat kepada rakyat.

"Sebagai warga negeri, kita harus memberi sokongan dan ruang yang cukup kepada pemerintah untuk pembangunan ekonomi.

"Di Pulau Pinang, apa yang kita lihat adalah keadaan rakyat bertambah baik berbanding di bawah pemerintahan kerajaan terdahulu terutama dari segi pembangunan serta kebersihan.

"Saya harap Kerajaan Negeri terus memberi fokus kepada aspek ekonomi untuk manfaat rakyat secara keseluruhannya," responsnya.

**ASWIRNA DATUK SUKUR**, 31, Eksekutif Kanan Perhubungan Awam, berpendapat bahawa secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang telah mentadbir negeri dengan baik sekali.

"Pulau Pinang kini berada di landasan yang baik," jelasnya.



ASWIRNA Datuk Sukur.

Seorang pengawal keselamatan yang hanya mahu dikenali sebagai **P. VASATHY**, 49 menyatakan perasaan berbelah bahagi terhadap prestasi pentadbiran Pakatan Harapan sejak mentadbir negeri lebih 10 tahun lalu.

"Pada pendapat saya, keadaan kos sara hidup di sini masih lagi tinggi dengan harga barang juga semakin meningkat.

"Tetapi, apa yang saya suka dengan pentadbiran PH adalah layanan terhadap semua kaum adalah sama rata tidak kira Melayu, Cina, India atau lain-lain berbanding dengan kerajaan terdahulu yang banyak memanipulasikan isu perkauman untuk tujuan politik," katanya.

Bagi seorang pekerja kilang yang dikenali sebagai **SAIFUL**, 34, pula berpendapat bahawa Pulau Pinang memperlihatkan peningkatan dari segi pembangunan dan kebersihan persekitaran.

"Dari aspek kebersihan dan pembangunan, saya lihat Pulau Pinang masih lagi baik dan terkawal," maklumnya.

# Ramasamy harap SMJKT dapat direalisasikan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**SEJAK** tahun 2012, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sanggup mencadangkan sebidang tanah supaya sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil (SMJKT) dapat diwujudkan di Batu Kawan.

Genap 12 bulan usia Kerajaan Pulau Negeri Pulau Pinang, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berharap perubahan Kerajaan Persekutuan dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 9 Mei 2018 akan merealisasikan janji-janji manifesto Pakatan Harapan Pulau Pinang tersebut.

"Harapan pertama saya adalah sekolah menengah Tamil yang diperjuangkan sebelum ini dapat direalisasikan dengan kos pemajuan ia dibiayai Kerajaan Pusat… Kerajaan Negeri sudah menyediakan sebidang tanah di Batu Kawan, dan kita sedang menunggu 'lesen' daripada Kerajaan Pusat (Kementerian Pendidikan).

"Saya juga ada mohon untuk bertemu dengan Menteri Pendidikan (Dr. Maszlee Malik), namun beliau belum sempat berbuat demikian.

"Saya berharap beliau dapat luangkan masa untuk bertemu saya selaku Exco Pendidikan bukan sahaja untuk membincangkan hal ini, malah juga hal-hal berkaitan pendidikan di negeri ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai dalam satu temu bual khas bersama-sama akhbar Buletin Mutiara baru-baru ini.

Ramasamy merupakan Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi.

Selain itu, Ramasamy memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan, melalui pemerkasaan sektor pendidikan.

Selaku Exco yang diberikan peranan dalam pendidikan, beliau menekankan pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET) dalam memberi peluang saksama kepada pelajar yang tidak cemerlang daripada sudut akademik.

"Kita di Pulau Pinang perlu perkasakan lagi TVET… di Pulau Pinang, sebanyak 32 peratus tenaga kerja berkemahiran berbanding kadar kebangsaan 30 peratus.

"Kursus jangka pendek perlu diperbanyakan seperti baiki telefon pintar, baiki penghawa dingin, barangan elektronik dan lain-lain untuk memenuhi keperluan tenaga kerja pada hari ini.

"Apa yang terjadi pada hari ini adalah kebergantungan kepada buruh asing dalam hal-hal seperti ini berikutan kos yang lebih murah, dan pada masa sama tiada kemahiran yang mencapai tahap sebenar," katanya.

Menurut Ramasamy, Kerajaan Negeri mesti memperkasa TVET sebagaimana sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) di negeri ini.



PROF. Dr. P. Ramasamy.

"Bidang STEM menjadi nadi utama dalam Revolusi Industri 4.0, justeru minat ini perlu dipupuk sejak di bangku sekolah rendah lagi.

"Saya bimbang sekiranya generasi masa depan gagal menangani isu ini, kemungkinan pelabur akan berpindah ke negara lain lantas menjejaskan ekonomi negeri," ujarnya sambil mengharapkan setahun Pakatan Harapan memerintah Pulau Pinang terus mewujudkan kualiti hidup yang lebih bagus dalam kehidupan rakyat terbanyak di negeri ini.

## Pulau Pinang berterusan sebagai negeri berkebajikan, jaga alam sekitar serta masyarakatnya saling menyayangi

**MUNGKIN** pelaksanaan Program Penang Sihat, iaitu skim rawatan kesihatan percuma golongan 40 peratus berpendapatan isi rumah terendah (B40) terpilih sahaja tergendala sehingga kini.

Demikian kata Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dalam wawancara khas sempena ulang tahun pertama Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang.

Boon Poh memberitahu, program kebajikan itu turut diluluskan dalam Bajet 2018 Pulau Pinang, iaitu sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), lalu dimuatkan sebagai salah satu daripada 68 janji manifesto negeri.

Ikut perancangan asal, isu rumah keluarga berpendapatan bulanan di bawah RM5,000 layak mendapat nilai kredit RM300 dengan kadar maksimum RM50 bagi setiap sesi rawatan di klinik swasta.

Malah, golongan bujang yang berpendapatan di bawah RM2,500 pula layak mendapat kredit RM150 setahun.

"Sepatutnya program Pulau Pinang Sihat, dengan penggunaan kad pintar elektronik *'I ❤ Penang'* ini akan memberi faedah kepada kira-kira 195,000 isi rumah.

"Namun, program kebajikan ini terpaksa ditangguhkan buat sementara, memandangkan telah ada program kebajikan yang hampir serupa dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan (iaitu) PeKa B40 (Skim Peduli Kesihatan B40).

"Buat masa ini masih ditangguhkan, dibincangkan oleh Kerajaan Negeri," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu di pejabat beliau di Komtar baru-baru ini.



PHEE Boon Poh.

Boon Poh menyatakan bahawa pihaknya turut mengkaji pelaksaaan Agenda Ekonomi Saksama (AES) supaya membuat hantaran kredit wang langsung ke akaun penerima yang layak tiap-tiap bulan, memandangkan Kerajaan Persekutuan juga telah pun melaksanakan program bantuan awam serupa.

Sementara itu, usaha memastikan Pulau Pinang terus menjadi negeri hijau, merupakan satu lagi manifesto yang terus dipergiatkan oleh beliau.

Menurut Boon Poh, sejak tahun 2008 sehingga kini, Pulau Pinang kekal sebagai satu-satunya negeri yang tidak pernah menebang di kawasan hutan-hutan simpanan kekal walau seinci pun.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mempergiat aktiviti penanaman pokok teduh dan pokok renek meliputi kelima-lima daerah di negeri ini.

"Tanam pokok turut dilaksana di kawasan hutan, yang mana ada kawasan lapang, aktiviti menanam pokok turut dilaksanakan juga.

"Sejak dua tahun, saya dan rakan-rakan menanam lebih 3,000 anak pokok jenis kayu karas, pokok-pokok buah-buahan, untuk menjaga ekosistem negeri ini," ujarnya.

Bagi tahun 2019, Boon Poh memberitahu bahawa beliau akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan daripada Jabatan Perhutanan bagi memulihara semula Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam dekat Tasek Gelugor dan Taman Rimba Bukit Mertajam dekat Cherok Tok Kun.

"Seperti di Cherok Tok Kun, ada 60 kawasan tanah runtuh, untuk kerja-kerja mitigasi di kawasan itu sahaja memerlukan RM17 juta, yang saya telah pun mohon daripada Jabatan Perhutanan.

"Serentak itu, saya juga berharap elemen internet untuk semua (IoT) dan Kecerdasan Buatan (AI) dapat terus diperkasakan dalam memelihara lagi alam semula jadi di negeri ini daripada tercemar.

"Paling bagus adalah pendekatan pendidikan, bermula dari peringkat sekolah dan semua peringkat lain, bagaimana nak jaga alam, amal kitar semula, tidak pakai beg plastik dan penyedut minuman plastik.

"Penguatkuasaan biarlah menjadi langkah terakhir, dengan bantuan teknologi, begitu mudah untuk menjejaki individu yang membuang sampah ke dalam laut baru-baru ini, sebab ada CCTV merakam perbuatan itu.

"Pulau Pinang boleh terus menjadi negeri yang membuat kebajikan, jaga alam sekitar serta masyarakatnya saling menyayangi," katanya.

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

BERSATU DAN SETIA

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

- No Akaun : 11299
- Peminjam : GEE WEI FUN - 86022435**** 83-A BRICK KILN, GEORGETOWN 10300 PULAU PINANG
- Penjamin 1 : SOON KIM LAI - 82051207**** 21-4-15 TAMAN LONE PINE, LEBUHRAYA THIEN TEIK 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
- Penjamin 2 : KHAW KEAN HOCK - 64062207**** NO.83-A JALAN BRICK KILN 10300 PULAU PINANG

- No Akaun : 11300
- Peminjam : SURIA BINTI SEENI SHAHUL HAMEED - 90062706**** B-7-11 JALAN SUNGAI 10150 PULAU PINANG
- Penjamin 1 : FATIMAH VASANDI BINTI ABDULLAH - 65010607**** B-7-11 JALAN SUNGAI, 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG
- Penjamin 2 : ZURIDA BINTI MUSTAPHA - 59112002**** NO.69 JALAN YORK 10450 PULAU PINANG

- No Akaun : 11310
- Peminjam : GUNASILAN A/L RAJA MANICKAM - 85121626**** NO. 127 TINGKAT SERINDIT 5, TAMAN DESA JAWI 14300 SUNGAI JAWI, SPS
- Penjamin 1 : SIVA SANGKARI A/P RAJA MANICKAM - 82071402**** NO. 17 LORONG 13/SS3, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
- Penjamin 2 : ELAVEYNI A/P SOMASUNDRAM - 61082175**** BLOK D, TINGKAT 2, NO.10 RUMAH PANGSA TAMAN DESA JAWI, 14200 SUNGAI JAWI, SPS

- No Akaun : 11313
- Peminjam : AHMAD ASYRAF MERICAN B MOHD IBRAHIM MERICAN - 85120907**** 7C-3A-9 NIPAH COURT, JALAN SRI TANJUNG PINANG 10470 TANJUNG TOKONG, PULAU PINANG
- Penjamin 1 : MOHD IBRAHIM MERICAN B MOHD NAINA MERICAN - 51122307**** 7C-3A-9 PANGSAPURI NIPAH COURT, JALAN SRI TANJUNG PINANG 10470 TANJUNG TOKONG, PULAU PINANG
- Penjamin 2 : MUHAMMAD MUKHLIS MERICAN B MOHD IBRAHIM MERICAN - 83120907**** 7C-3A-16 PANGSAPURI NIPAH COURT, JALAN SERI PINANG, TANJONG TOKONG 10470 PULAU PINANG

- No Akaun : 11314
- Peminjam : MAZIDAH BT JAMALUDIN - 87122935**** 9990 JALAN AIR MELINTAS BESAR, KAMPUNG POKOK MACHANG 13300 TASEK GELUGOR, SPU
- Penjamin 1 : JAMALUDIN BIN ABD HAMID - 50022707**** NO. 4 SOLOK NIPAH 3, TAMAN HAJI MOHD AMIN, KG PERTAMA, 13500 PERMATANG PAUH
- Penjamin 2 : AHMAD KAMIL BIN JAMALUDIN - 75090607**** NO. 4 SOLOK NIPAH 3, TAMAN HAJI MOHD AMIN, KG PERTAMA, 13500 PERMATANG PAUH

- No Akaun : 11316
- Peminjam : IDAYU BINTI AHMAD - 79061807**** S.M.K DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
- Penjamin 1 : SHAHIRAN BIN MOHAMED - I16*** 2 TINGKAT SIAKAP 17, 13700 SEBERANG JAYA
- Penjamin 2 : MOHD ASRUL BIN AHMAD - 78082203**** 2 TINGKAT SIAKAP 17, 13700 SEBERANG JAYA

- No Akaun : 11317
- Peminjam : RADZQUSYAIRI BIN ABDUL RAZAK - 87122107**** F-G-4 MELATI APARTMENT, LEBUH BUKIT KECIL 3, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
- Penjamin 1 : RADZMAN BIN ABDUL RAZAK - 67011111**** 6-10-1 LINTANG KG MASJID 1, TAMAN KUMBAR PERMAI, TELUK KUMBAR, 11020 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
- Penjamin 2 : RADZUAN BIN ABDUL RAZAK - 69061607**** 2D-08-02 PANGSAPURI BAYAN PERMAI, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

- No Akaun : 11321
- Peminjam : MOHD RAFIZAL BIN RAZALI - 79102207**** 573 MK E TITI TERAS 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
- Penjamin 1 : RAZALI BIN IDRIS - 42111107**** NO.573 MUKIM E, TITI TERAS, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
- Penjamin 2 : MOHD RUNZI BIN RAZALI - 68111007**** SEBELAH 334 MUKIM E, TITI TERAS, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

- No Akaun : 11323
- Peminjam : KAVIGTHA A/P MOHAN KUMAR - 84112907**** NO. 10 LINTANG BUKIT PENARA 6, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
- Penjamin 1 : S NAGARATHINAM A/L A SIVAPERUMAL - 68062607**** NO.41 LORONG BUNGA RAYA 11700 BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG
- Penjamin 2 : SYAMALATHEVI A/P GOVINDARAJOO - 73082507**** NO.41 LORONG BUNGA RAYA 11700 BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG

- No Akaun : 11325
- Peminjam : NUR SYAFIQAH BINTI MOHD SHAMSIR - 91053107**** 11A LORONG TENGGIRI 14, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
- Penjamin 1 : MOHD SHAMSIR BIN DARUS - 60092305**** 11A LORONG TENGGIRI 14, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
- Penjamin 2 : ROSLEE BIN RAMALI - 66051002**** 15 LORONG TERATAI 4, 14110 SIMPANG AMPAT, SPS

- No Akaun : 11337
- Peminjam : NUR HAZLIZA BINTI SA ADIN - 82050507**** 618 PADANG CHEMPEDAK 13310 TASEK GELUGOR, SPU
- Penjamin 1 : SA ADIN BIN KADIR - 59031907**** NO.5643 PADANG CHEMPEDAK 13310 TASEK GELUGOR, SPU
- Penjamin 2 : AMRAN BIN KADIR - 69052907**** NO.9848 PADANG CHEMPEDAK 13310 TASEK GELUGOR, SPU

- No Akaun : 11342
- Peminjam : MOHD NOOR REDZA BIN MOHD RADZUAN - 85011702**** A23A-20 PERUMAHAN PENJAWAT AWAM (PPAM), TASIK METROPOLITAN KEPONG, JALAN LINGKARAN TENGAH 2, 51200 KUALA LUMPUR
- Penjamin 1 : MOHD RADZUAN BIN HUSAIN - 55100606**** 6 LORONG RAJAWALI 3 , TAMAN BERJAYA 14300 NIBONG TEBAL, SPS
- Penjamin 2 : UMI KALSOM BINTI SARIPUDIN - 85022808**** 2-0-1 KUARTERS DBKL, JALAN 3/34A, PEKAN KEPONG 51200 KUALA LUMPUR

- No Akaun : 11343
- Peminjam : AHMAD IFTYAZANI BIN ZAMBERI - 91052007**** 1256-R JALAN PAYA TERUBONG, AYER ITAM 11060 PULAU PINANG
- Penjamin 1 : ZAMBERI BIN HAMZAH - 67052410**** 1256-R JALAN PAYA TERUBONG 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
- Penjamin 2 : RAHAYA BINTI ABDUL SAMAD - 67110507**** 6-7-12 JALAN LEMBAH PERMAI 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG

- No Akaun : 11344
- Peminjam : MOHAMAD RASHIDI BIN ZAINAL ABIDIN - 82070407**** 46-2B TAMAN BAGAN JERMAL, JALAN KAMPUNG GAJAH, 12200 BUTTERWORTH
- Penjamin 1 : MAZNAH BINTI DIN - 48092407**** 46-2B TAMAN BAGAN JERMAL, JALAN KAMPUNG GAJAH, 12200 BUTTERWORTH
- Penjamin 2 : SITI MARIAM BINTI SAAD - 80122507**** 46-2B TAMAN BAGAN JERMAL, JALAN KAMPUNG GAJAH, 12200 BUTTERWORTH

- No Akaun : 11346
- Peminjam : MOHD BIYAMIN BIN RAZAK - 86070435**** NO. 28 JALAN ORKID PERMAI, TAMAN ORKID PERMAI 13200 KEPALA BATAS, SPU
- Penjamin 1 : NOR AINUN BINTI RAZAK - 80042707**** NO.95 MK 13, PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SPU
- Penjamin 2 : NOR IN BINTI RAZAK - 76082107**** NO.95 MK 13, PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SPU

- No Akaun : 11347
- Peminjam : NUR HAFIALIA BINTI ABDUL MANAF - 90060308**** NO.43 TAMAN MELOR, JALAN JUNJUNG 09000 KULIM, KEDAH
- Penjamin 1 : ABDUL MANAF BIN ABDULLAH - 53030602**** NO.4 TAMAN KENNEDY, JALAN MASJID NEGERI, 11600 PULAU PINANG
- Penjamin 2 : MOHAMAD YUSRI BIN YUSOFF - 65123007**** 5-1-09 JALAN BATU UBAN 3, FLAT DESA RIANG, GELUGOR, 11700 PULAU PINANG

- No Akaun : 11357
- Peminjam : MAZIDAH BINTI MAT REJAB - 85031707**** 789 PERMATANG TINGGI C, 13200 KEPALA BATAS, SPU
- Penjamin 1 : MAHAYA BINTI MAT REJAB - 67111307**** NO. 2 LORONG BERTAM INDAH 32, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
- Penjamin 2 : MOHAMAD YUSUF BIN JAMIL - RF171*** NO.196 A KAMPUNG BARU, JALAN SUNGAI TIANG, 06750 PENDANG, KEDAH

- No Akaun : 11361
- Peminjam : NUR SYARAFINA BINTI MUSTAZA - 87081207**** NO. 4 LORONG BAGAN LALANG 19, TAMAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH
- Penjamin 1 : MUSTAZA BIN ZAINOL ABIDIN - 60060507**** B-0-3 TINGKAT MAYANG PASIR, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
- Penjamin 2 : ROZILI BIN HASHIM - 67032306**** 5-5-20 KRISTAL IDAMAN, LEBUH BUKIT KECIL 6, 11950 PULAU PINANG

- No Akaun : 11362
- Peminjam : NUR IZNI BINTI MUSTAZA - 89080707**** B-0-3 TINGKAT MAYANG PASIR, BAYAN BARU 11950 PULAU PINANG
- Penjamin 1 : SOBEHAH BINTI SAADIN - 60021202**** B-0-3 TINGKAT MAYANG PASIR, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
- Penjamin 2 : MOHD SHAPIEE BIN HASHIM - 60051807**** 2W2X TINGKAT BATU UBAN 1, BATU UBAN, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

- No Akaun : 11363
- Peminjam : RUZANNA BINTI RUSLI - 88011807**** A-3-18 APARTMENT VISTA PINGGIRAN, JALAN PINGGIRAN PUTRA 1, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR
- Penjamin 1 : RUSLI BIN HASHIM - 58092502**** NO. 917 A MUKIM 9 , JALAN KAMPUNG MASJID, BAYAN LEPAS, 11920 PULAU PINANG
- Penjamin 2 : CHE ALI BIN OTHMAN - 65122207**** 3-4-3 TINGKAT TELUK KUMBAR, BANDAR BARU TELUK KUMBAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

- No Akaun : 11367
- Peminjam : NOR FATIHAH BT MOHD SABRI - 91062407**** 2-8-20 TAMAN MANGGIS, JALAN ZAINAL ABIDIN 10400 PULAU PINANG
- Penjamin 1 : MOHD SABRI BIN OSMAN - 62090507**** 2-8-20 TAMAN MANGGIS, JALAN ZAINAL ABIDIN 10400 PULAU PINANG
- Penjamin 2 : BASERI BIN ISMAIL - 63011102**** 3-G-42 SRI DELIMA, LINTANG BAYAN 8, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

- No Akaun : 11368
- Peminjam : NUR ADIRA BINTI ABDUL AZIZ - 90112607**** N0.168 LORONG PERDANA 2/9, BANDAR PERDANA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
- Penjamin 1 : ABDUL AZIZ BIN ISHAK - 65061102**** 442 JALAN RHU 3, TAMAN RHU FASA 3, TIKAM BATU, SUNGAI PETANI 08600 KEDAH
- Penjamin 2 : CHE JAM BINTI YAHAYA - 61123007**** 168 LORONG PERDANA 2/9, BANDAR PERDANA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH

- No Akaun : 11374
- Peminjam : NORSYUHAIDAH BINTI MOHAMAD RAPI - 87052307**** JAB. IMEGRESEN MALAYSIA KUALA LUMPUR, ARAS LG,1,2,&5 KOMPLEKS KDN, JALAN SRIHARTAMAS 1 OFF JALAN DUTA 50550 KUALA LUMPUR
- Penjamin 1 : JASMIN BIN AMIR ALI - 80030507**** 2A-03-12B MUTIARA HEIGHT, JALAN HAJJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG
- Penjamin 2 : SITI BUNIRAH BINTI MOHAMED AMIR - 82120907**** NO.60-04-01 PINANG COURT 2, LEBUHRAYA SUNGAI PINANG 11600 PULAU PINANG

- No Akaun : 11379
- Peminjam : DR. NUR KHALILAH BINTI JAMALUDIN - 89102107**** BAHAGIAN PENTADBIRAN, HOSPITAL KULIM, JALAN MAHANG, KULIM 09000 KEDAH
- Penjamin 1 : JAMALUDIN BIN ABDUL RAHMAN - RF101*** NO.2A-3-3 LEBUHRAYA THEAN TEIK, 11500 PULAU PINANG
- Penjamin 2 : HUSSAIN BIN MUSTAFA - RF111*** BLOK 5R-01-03 LEBUHRAYA THEAN TEIK 11500 PULAU PINANG

- No Akaun : 11380
- Peminjam : NOORSAZILA BINTI MOHD AMIN - 83111507**** BDKTN 303 MUKIM J, JALAN GENTING, KAMPUNG TERANG 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
- Penjamin 1 : NORHAIDA BINTI MOHD AMIN - 78100907**** BERDEKATAN 303 MUKIM J, KAMPUNG TERANG, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
- Penjamin 2 : MOHD FAIZUL BIN MOHD AMIN - 88102352**** BERDEKATAN 303 MUKIM J, KAMPUNG TERANG, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

- No Akaun : 11381
- Peminjam : NIZAHA BINTI ABU HASSAN - 78081507**** S.M.K MENGKUANG 14000 BUKIT MERTAJAM
- Penjamin 1 : KHIRUL ANNUAR BIN SHAMSUDIN - 61080902**** 20 TINGKAT PAUH JAYA 1, TAMAN PAUH JAYA, 13700 PERAI
- Penjamin 2 : ROSNADA BINTI ABU HASSAN - 61081707**** 20 TINGKAT PAUH JAYA 1, TAMAN PAUH JAYA, 13700 PERAI

- No Akaun : 11383
- Peminjam : NOR HIDAYAH BINTI MHD NASIR - 87091235**** 5751 KAMPUNG BAHARU, POKOK SENA 13200 KEPALA BATAS, SPU
- Penjamin 1 : NORHAYATI BINTI MOHD SALLEH - 60020108**** NO.5751 KAMPUNG BAHARU, POKOK SENA, 13200 KEPALA BATAS, SPU
- Penjamin 2 : MHD NASIR BIN ISMAIL - 57091907**** NO.5751 KAMPUNG BAHARU, POKOK SENA, 13200 KEPALA BATAS, SPU

- No Akaun : 11386
- Peminjam : NAEKASHRI A/P JOTHI - 87042935**** 22-2-8 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8, 11600 PULAU PINANG
- Penjamin 1 : NEESHA A/P JOTHI - 86012935**** 22-2-8 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8, 11600 PULAU PINANG
- Penjamin 2 : RAMLI BIN HUSIN - (MENINGGAL DUNIA) A4-15 FLAT KAMPUNG MELAYU, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG

- No Akaun : 11390
- Peminjam : AWATIF BINTI ISMAIL - 83090907**** 4500 BAKAU TUA, 13110 PENAGA, SPU
- Penjamin 1 : ZUL SUHAILI BIN MD HUSAIN - 83083102**** NO. 4500 BAKAU TUA, 13110 PENAGA, SPU
- Penjamin 2 : ISMAIL BIN OMAR - 64070207**** SEBELAH 4814 BAKAU TUA, 13110 PENAGA, SPU

- No Akaun : 11398
- Peminjam : MASWANI BINTI ABDUL MANAP - 80070807**** INSTITUT PERGURUAN KAMPUS PULAU PINANG, PERSIARAN TUNKU KUDIN, BUKIT COOMBE 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
- Penjamin 1 : MASRAH BINTI ABDUL MANAP - 79050306**** 1-04-06 TAMAN VANILA, TINGKAT SUNGAI BATU 2, 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG
- Penjamin 2 : SHAREZAN BIN JAMIL - 77032802**** 124-F LEBUH MAHSURI, TAMAN MELATI, SUNGAI NIBONG KECIL, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

- No Akaun : 11400
- Peminjam : MUHAMAD SYAZWAN BIN RIZUAN - 91031107**** 76-J, JALAN PERAK 10150 PULAU PINANG
- Penjamin 1 : RIZUAN BIN JAAFAR - 60062202**** NO.76-J JALAN PERAK 10150 PULAU PINANG
- Penjamin 2 : MD DESA BIN REJAB - RF/83*** 1A-1-3 LEBUHRAYA THEAN TEIK, PERUMAHAN POLIS FARLIM FASA II, 11500 PULAU PINANG

- No Akaun : 11401
- Peminjam : MOHAMAD HISHAMUDIN BIN BOKHAIRI - 88061835**** NO. 2404 A, JALAN PADANG BENGGALI, TELUK AYER TAWAR 13050 BUTTERWORTH
- Penjamin 1 : MOHD NAZRI BIN BOKHAIRI - 84092101**** NO.10 LORONG BENTARA 15, TAMAN BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU
- Penjamin 2 : BOKHAIRI BIN BASAR - 53071301**** NO.10 LORONG BENTARA 15, TAMAN BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU

- No Akaun : 11403
- Peminjam : MUHAMMAD AZLAN BIN ABD RAHIM - 83102507**** PEJABAT DAERAH DAN TANAH SPU, JALAN BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
- Penjamin 1 : ABD RAHIM BIN HJ SHARIFF - 54041707**** NO.4687 JARAK ATAS 13310 TASEK GELUGOR, SPU
- Penjamin 2 : NORYUSMALINA BINTI MOHAMAD YUSOP - 88070207**** NO. 15 LORONG SHAHBANDAR 31, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU

- No Akaun : 11413
- Peminjam : OOI HOOI MAY - 91110407**** 2-05-05 SERI JELUTONG, LINTANG MADRASAH, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
- Penjamin 1 : TEOH CHAI LEE - 65062902**** 60-16-08 TAMAN SRI PERAK, JALAN SLIM, 11600 PULAU PINANG
- Penjamin 2 : LEE PHAIK LAY - (MENINGGAL DUNIA) 2-05-05 LINTANG MADRASAH, SERI JELUTONG, 11600 PULAU PINANG

- No Akaun : 11414
- Peminjam : MUHAMMAD FAIZ BIN MOHAMAD ARIF - 89083107**** 2-1-4 INTANA RIA 1, JALAN 7/4, SEKSYEN 7, BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR
- Penjamin 1 : MOHAMAD ARIF BIN YAHAYA - 60112907**** 2-1-4 INTANA RIA 1, JALAN 7/4, SEKSYEN 7, BANDAR BARU BANGI, 43650 SELANGOR
- Penjamin 2 : MOHD HADZIN BIN AHMAD - 55120508**** 1505 JALAN 1D/3 , BANDAR BARU SUNGAI BULUH, 47000 SELANGOR

- No Akaun : 11415
- Peminjam : MUHAMMAD MURSYID BIN ABDUL SAMAD - 90120807**** JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG, 33 PENGKALAN WELD 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG
- Penjamin 1 : ABDUL SAMAD BIN S S PAKEER MOHD - 65030407**** 18-4-15 TAMAN UTARA, TINGKAT BATU UBAN 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
- Penjamin 2 : ISMAIL BIN KALANDAR MASTAN - 51012771**** A-2-1-7 HALAMAN AREKA, LEBUH NIPAH, SUNGAI NIBONG, 11900 PULAU PINANG

# PERTANDINGAN MELUKIS POSTER BERTEMAKAN:

## "Penang2030: Negeri Pintar, Hijau Dan Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasikan Negara"

PENANG 2030

HADIAH UTAMA RM500

1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan 'PENANG2030: NEGERI PINTAR, HIJAU DAN BERTERASKAN KELUARGA YANG MENGINSPIRASIKAN NEGARA' dengan logo 'Penang2030'.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah milik penganjur.
10. Tarikh tutup penyertaan, 31 Mei 2019.

**Sila isi butiran berikut:**

Nama : ..............................................................

No.Kad Pengenalan : ..............................................................

Alamat : ..............................................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) ....................

Emel: ..............................................................

*Pastikan semua butiran diisi dengan langkap.*

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11418
Peminjam : MOHD FIRDAUS BIN ABDUL GANIY - 89011907**** 3-5-2 LEBUH NIPAH 2, ( PRIMA VIEW ) BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : JARINA BEGAM BINTI MOHAMED ABU BAKAR - 76070907**** BLOK A-3-12 , BEREK POLIS DATO KERAMAT 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD JAMAL BIN DIN MOHAMAD - 63050707**** 2-Q JALAN BERIKSA TIGA, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 11419
Peminjam : MUHAMMAD SYAZWAN BIN AZAHAR - 90083007**** 866C BAGAN NYIOR, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ABU HASAN BIN KASSIM - 64090302**** NO. F21 BATU 10 1/2 , SIMPANG 3, KARANGAN 09700 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : ROSLIZA BINTI AZALI - 80120907**** NO. 768 BAGAN NYIOR, JURU 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11420
Peminjam : MUGUNEISS ISWARI A/P NAGALINGGAM - 85011107**** NO.1 LORONG TENGGIRI 7, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : NAGALINGGAM A/L PALANDAY - 50061807**** NO. 1 LORONG TENGGIRI 7, 13700 SEBERANG JAYA, PERAI
Penjamin 2 : ELANGO A/L SOMASANDERAM - 84053008**** NO. 21 LORONG SUTERA 2 , TAMAN SUTERA, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI

No Akaun : 11427
Peminjam : BADRUL HISHAM BIN YAHAYA - 85021307**** 4-3-20 TINGKAT SERI GENTING 1, TAMAN SRI INDAH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD RASHID BIN MUSTAFA - 85101207**** NO.574 MUKIM E, TITI TERAS 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ZAITUN BINTI BAKAR - 66082707**** 4-3-20 TINGKAT SERI GENTING 1, TAMAN SRI INDAH, BALIK PULAU, 11000 PULAU PINANG

No Akaun : 11433
Peminjam : JOHAN AFFANDY BIN ISMAIL - 87081207**** NO. 8 JALAN LIMAU PAGAR 4/4F, SEKSYEN 4, SHAH ALAM 40000 SELANGOR
Penjamin 1 : JUNAIDI BIN ISMAIL - 81072907**** NO. 27 LEBUH SRI KIJANG, TAMAN SRI KIJANG, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NUR SYUHADAH BINTI HAMZAH - 87030207**** B-1-1 TAMAN TUN SARDON, HILIR PEMANCAR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11435
Peminjam : KHAIRIL ANUAR BIN JASMEI - 81082007**** NO. 223 MUKIM E, PAYA KONGSI, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SITI SARAH BINTI JASMEI - 84010307**** NO. 239 TAMAN SERI LEKIR 32020 SITIAWAN, PERAK
Penjamin 2 : SITI SAKHARAHANI BINTI ABDULLAH - 81031203**** NO.223 MUKIM E, PAYA KONGSI 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 11441
Peminjam : MUHAMMAD SAUFI BIN AB MUTALIB - 90020407**** 124 LORONG SELADANG 4, TAMAN SRI SELADANG 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 1 : AB MUTALIB BIN AHMAD TARJI - RF74*** NO.124 LORONG SELADANG 4, TAMAN SRI SELADANG, 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 2 : MAZLEENDA BINTI KAMARUDIN - 64010207**** NO.124 LORONG SELADANG 4, TAMAN SRI SELADANG, 09600 LUNAS, KEDAH

No Akaun : 11444
Peminjam : MUHAMMAD SYAHMI BIN MAHADZIR - 80121507**** PEJABAT DAERAH DAN TANAH SPU, JALAN BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MAZULIFAH BINTI ISHAK - 59021607**** NO. 282D JALAN LENGKOK ATAS 11700 BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : THAMILMAARAN A/L KANESON - 87071608**** 12-20-07 HALAMAN KENANGA, LENGKOK NIPAH 3, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11450
Peminjam : SITY MASITA BT JAMALUDIN - 86051235**** 4101 MK 3 BUKIT INDRA MUDA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MOHAMAD SOBRI BIN ABDUL MAJID - 70092802**** NO. 27 LORONG 1/13, TAMAN KTC KULIM HI-TECH PARK 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : MOHD ZULKIFLE BIN JAMALLUDIN - 78052307**** 4101 MUKIM 3, BUKIT INDRA MUDA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11451
Peminjam : SYARIFAH NOOR ANIMAH BINTI SYED SHAARI - 91041407**** NO. 75 JALAN ORKID PERMAI, TAMAN ORKID PERMAI 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : RAMNAH BINTI AHMAD - 56053109**** NO.19 JALAN LAHAT 10450 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SYED MOHD AZRIE IZANIE BIN SYED SHAARI - 84121708**** A-3-13 PANGSAPURI ANGKASA INDAH, TAMAN ANGKASA INDAH, KAJANG 43000 SELANGOR

No Akaun : 11455
Peminjam : TEOH HOOI LIN - 89112907**** 59-1-01 MEDAN FETTES, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TEOH HOCK SOON@TEOH SIM GUAN - 55062307**** BLOK 59-1-01 MEDAN FETTES 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM KAM CHOON - 70110407**** 5169 LORONG BUNGA RAMPAI 10, TAMAN RIA JAYA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH

No Akaun : 11457
Peminjam : SOPHIA LOO POH TIEN - 88070335**** 114 MEDAN TEMBAGA, ISLAND PARK 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : YEAP WEN NIE - 88111007**** 52-6-3 TAMAN SRI HIJAU, JALAN VAN PRAAGH 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHAN WY LOON - 86042535**** BLOK 1-3-8 JALAN LIMAU MANIS 1, TAMAN LIMAU MANIS 14000 BUKIIT MERTAJAM

No Akaun : 11458
Peminjam : NOR AIN BINTI NOH - 87051235**** 576 LORONG SELASIH 1B/5, TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1 : MAHIRAN BINTI ABU BAKAR - 68121107**** NO.3155 PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : AZRINBADRINAS BINTI ABU BAKAR - 77110707**** NO.3155 PERMATANG SUNGAI DUA 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11467
Peminjam : ZAHIRAH AINI BINTI ZAINOL - 87081407**** 349 MUKIM D JALAN BHARU 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ZAINOL BIN AHMAD - 56100507**** 349 MUKIM D, JALAN BHARU 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NUR SALMI SUHANA BINTI HARONE - 84042007**** 349 MUKIM D, JALAN BHARU 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

# Limpahan perkhidmatan inovatif MMC diharap mantapkan sektor PKS Negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**TANJUNG BUNGA -** Pembukaan Monitor ERP System Group, iaitu syarikat multinasional dari Sweden yang terlibat dalam menghasilkan sistem perancangan sumber perusahaan (ERP) termasuk mencipta Monitor G5 baru-baru ini diharap melonjakkan lagi potensi sektor perkilangan serta perkhidmatan inovatif di Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa pentadbirannya komited menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar pintar bertaraf antarabangsa, menjadi destinasi pilihan utama untuk para pelabur, pelancong serta rakyat yang mengidamkan kehidupan lebih mampan.



KETUA Menteri bersama-sama wakil syarikat pada Majlis Pelancaran Monitor 5G di sini baru-baru ini.

"Saya yakin bahawa tidak mustahil untuk Pulau Pinang menjadi negeri hijau dan pintar, yang memberi tumpuan kepada aspek kekeluargaan dengan menjadikan sebagai inspirasi negara, sebagaimana digagaskan dalam *Penang2030*.

"Sektor awam dan swasta perlu saling melengkapi... saya ingin menyeru syarikat-syarikat terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) agar bertindak balas secara positif terhadap perubahan (struktur ekonomi yang sedang berlaku di negeri ini)," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi dalam Majlis Pelancaran Monitor G5 di sini 10 April 2019.

Turut berucap, Duta Besar Sweden ke Malaysia, Dag Juhlin Dannfelt; Pengasas Monitor ERP Group, Jorgen Persson; Ketua Pegawai Eksekutif Monitor ERP Group, Morgan Persson dan Pengurus Besar Monitor ERP Group Wilayah Asia Tenggara, Daniel Haggmark.

Difahamkan, Monitor ERP Group adalah firma pembuat perisian pintar untuk mengawal proses pengeluaran dalam satu-satu sektor perindustrian.

Kon Yeow memberitahu bahawa dengan kehadiran syarikat multinasional (MMC) dari Sweden itu, diharap akan memantapkan lagi sektor PKS di negeri ini.

"Kita (Pulau Pinang) berbangga kerana ada lebih 3,000 PKS (dalam sektor pembuatan) di negeri ini," ujarnya.

Pada perkembangan berkaitan, Kon Yeow turut memuji keadaan kondusif pejabat industri Monitor ERP Group yang baru dibuka di sini.

## KM kagum IHS punyai lebih 50,000 pelanggan strategik pelbagai sektor

**PULAU TIKUS -** *IHS Markit*, firma antarabangsa dari Britain yang membuka sayap operasi terbaru di Jalan Sultan Ahmad Shah sehingga kini mempunyai lebih 50,000 pelanggan daripada pelbagai sektor perniagaan, awam dan institusi kewangan terkemuka dunia.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pihaknya berharap lebih banyak lagi syarikat antarabangsa yang mempunyai kelebihan seperti *IHS Markit* memilih Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan pilihan utama di rantau ini.

Dalam lawatan Kon Yeow pada 10 April 2019, beliau diberi taklimat oleh Pengarah Urusan IHS Markit, Dr. Vimaleswari K. Ramasamy mengenai hala tuju firma berkenaan di negeri ini.

"Pada masa ini, kami mempunyai lebih daripada 50,000 pelanggan membabitkan sektor perniagaan dan Kerajaan (sektor awam) yang mana jumlah itu termasuk dari institusi kewangan terkemuka dunia," katanya.

Selain di Pulau Pinang, Vimaleswari memberitahu Kon Yeow bahawa *IHS Markit* turut mempunyai sayap operasi di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, Selangor.

Exco Pembangunan Wanita & Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Teh Lai Heng (Ahli Dewan Undangan Negeri Komtar merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri) dan ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong turut menyertai lawatan berkenaan.

Difahamkan, *IHS Markit* adalah berfungsi menyampaikan maklumat pintar, data analitik serta solusi pada masa hadapan kepada para pelanggannya bagi sektor perniagaan, kewangan dan kerajaan.



# Polisi tiada beg plastik setiap Isnin demi semai sikap ‘sukarela’

Teks & Gambar : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**

**AIR ITAM –** Pulau Pinang bakal melaksanakan polisi tiada penggunaan beg plastik pada setiap hari Isnin menjelang 1 Julai ini.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, sebelum polisi berkaitan dilaksanakan secara rasmi, warga negeri harus memulakan langkah untuk tidak menggunakan beg plastik secara sukarela.

“Jika terdapat pelanggan yang meminta beg plastik di pasar raya, diharapkan pekerja tidak menjual beg plastik kerana ia menunjukkan anda (pekerja) betul-betul komited terhadap tujuan pelaksanaan aktiviti ini.

“Kita (Kerajaan Negeri) akan melaksanakan polisi ini dengan segera dan pengumuman hari ini (13 April 2019) adalah untuk memberi kesedaran kepada orang awam serta semaikan sikap secara sukarela akan katakan tidak terhadap penggunaan beg plastik,” katanya semasa merasmikan program *‘Penang Green Idol 2019 Earth Day’* dekat Bukit Bendera di sini 13 April lalu.



**PHEE Boon Poh (kiri sekali) bergambar bersama-sama para pemenang cilik yang mengambil bahagian di dalam penganjuran *Penang Green Idol 2019 Earth Day* di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Boon Poh turut berkongsi pengalaman beliau semasa berada di dalam penerbangan iaitu Kenya merupakan sebuah negara yang tidak membenarkan pengimportan beg plastik, dan penumpang akan menyerahkan beg plastik sedia ada sejurus pengumuman dilaksanakan.

“Pihak pasar raya tidak perlu menjual beg plastik kepada pelanggan, sebaliknya mereka hanya perlu menjual beg kitar semula walaupun harganya agak mahal.

“Beg kitar semula di pasar raya haruslah dicop ‘sila bawa beg kitar semula sendiri’… Jika Kenya boleh laksanakan aktiviti ini, mengapa Pulau Pinang tidak boleh?”, serunya.

Difahamkan, jika polisi bakal dilaksanakan berkaitan berjaya mendapatkan maklum balas baik daripada orang awam, Kerajaan Negeri akan mengisytiharkan polisi tersebut menjelang 1 Julai 2019 berdasarkan penguatkuasaan pendidikan.

Dalam perkara berkaitan, Boon Poh menyatakan kempen kesedaran *“Say No to Plastic Straws”* mendapat sokongan padu daripada warga negeri yang menunjukkan bahawa mereka benar-benar prihatin serta memberi sokongan penuh akan aktiviti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Boon Poh menzahirkan ucapan terima kasih kepada *Penang Green Council* (PGC) bagi penganjuran Pertandingan Deklamasi Sajak 2019 sebagai platform bakal peneraju Pulau Pinang untuk untuk berkongsi idea dan pemikiran hijau tentang isu alam sekitar.

Hadir sama, Josephine Tan (Pengurus Besar PGC) dan Sumirahilin Sedek (Pengurus Bahagian Khidmat Pengurusan Korporat Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang).

Turut berucap, Josephine menyatakan bahawa tema *‘Beauty of Nature’* dipilih pada tahun ini selaras dengan tema Hari Bumi 2019 *(Protect Our Species)*

*(Rujuk juga muka 23).*

## Sungai Rambai kian hijau, jadi kawasan rekreasi dalam tempoh terdekat

**PADANG LALANG -** Kawasan tasik yang menjadi kolam takungan banjir dekat Sungai Rambai tidak lama lagi akan ditukar guna serta dinaik taraf sebagai kawasan rekreasi awam untuk komuniti setempat menjalankan aktiviti berjoging dan bersenam.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata demikian selepas mendapatkan taklimat khas daripada Penolong Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) bagi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Rozali Saad, ketika melawat kawasan tersebut pada 1 April 2019.



**CHONG Eng (dua dari kiri) dan pihak-pihak berwajib ketika mengadakan lawatan ke Sungai Rambai di sini baru-baru ini.**

“Saya dimaklumkan bahawa JPS negeri ada merancang untuk mewujudkan landskap hijau sepanjang 2 kilometer (km) di sepanjang tebing Sungai Rambai di sini.

“Fasa pertama projek ini bermula pada 20 Mac 2019 lagi, kerja-kerja tanah akan mengambil masa selama sebulan untuk melengkapkan fasa satu projek ini dengan kos projek sejumlah RM200,000,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang kepada pemberita di sini.

Chong Eng dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada agensi Persekutuan, Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) kerana membiayai kos penanaman semula rumput dalam projek tersebut.

Dalam perkembangan lain, beliau turut memberitahu bahawa sejak tiga minggu lepas, aktiviti gotong-royong komuniti setempat telah dijalankan di sepanjang tebing Sungai Rambai ini.

“Sekitar 120 penduduk Taman Sri Rambai bersama-sama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta pihak Ahli Majlis MPSP, Bernard Cheen mengambil bahagian dalam gotong-royong ini.

“Para sukarelawan berjaya mengumpulkan kira-kira 150 beg sampah seminggu...bayangkan keadaan sungai kita tercemar dek sisa plastik yang begitu banyak.

“Kita di peringkat komuniti setempat berjaya membersihkan bahagian bahu tebing Sungai Rambai dengan bantuan para sukarelawan, sementara kerja-kerja membersihkan dalam sungai juga sebenarnya memerlukan tenaga pihak berwajib,” jelasnya.

Melihat lambakan sisa plastik yang dijangka terus mengancam habitat di dalam sungai, Chong Eng merayu kepada semua supaya mengurangkan lagi penggunaan plastik tiap-tiap hari.



# Laksana program atlet pelapis demi muncul kuasa unggul sukan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Jaguh tenpin bowling, Adrian Ang Hsien Loong dan Esther Cheah Mei Lan masing-masing dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang 2017/2018 baru-baru ini.

Dalam pada itu, Olahrawagan dan Olahragawati Paralimpik 2017/2018 dianugerahkan kepada Muhamad Suhaili Ab. Hamid dari sukan tenpin bowling dan Nur Azlia Syafinaz Mohd. Zais (berbasikal). Manakala, Chin Hajeed dari sukan pencak silat mengungguli Anugerah Tokoh Sukan 2019.

Menerusi anugerah sukan dwi tahunan itu, seramai 49 individu tercalon termasuk atlet, jurulatih dan pemimpin sukan diberikan penghormatan serta pengiktirafan tertinggi di peringkat negeri bagi tahun 2017/2018 di sini.

Terdahulu, penyampaian anugerah disempurnakan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Hadir sama, Toh Puan Majimor Shariff; Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An.

Dalam pada itu, Kon Yeow ketika berucap melahirkan hasrat agar Pulau Pinang dapat muncul sebagai kuasa unggul sukan untuk tempoh beberapa tahun akan datang.

"Ini merupakan cabaran yang harus dipikul oleh YB Soon (Lip Chee) untuk menjadikan negeri sebagai satu kuasa sukan yang unggul di dalam negara.

"Namun, bagi merealitikan hasrat ini, semua persatuan harus berkolaborasi bersama-sama termasuk pihak penaja, pelajar, atlet dan ibu bapa," serunya.

Justeru, bagi meningkatkan prestasi semua atlet, Kon Yeow memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri akan melaksanakan program atlet-atlet pelapis.

"Di bawah program ini, seramai 451 atlet sokongan melibatkan 17 sukan sedang diasah bakatnya sebagai pelengkap kepada skuad latihan negeri," maklum beliau.



**TUN Dr. Abdul Rahman Abbas (tengah) sambil diiringi Ketua Menteri dan kepimpinan Kerajaan Negeri menyampaikan piala iringan dan sijil penghargaan kepada Adrian Ang Hsien Loong (tiga dari kanan) selepas beliau dinobatkan sebagai Olahragawan pada Majlis Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang 2017/2018 di sini baru-baru ini.**

## Wanita mampu jadi peneraju utama bidang STEM

**GEORGE TOWN -** Era Revolusi Industri 4.0 sepatutnya menuntut semua gender termasuk wanita untuk menceburi bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Sehingga kini, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng menyatakan bahawa penyertaan golongan tersebut di Malaysia cuma merangkumi 30 peratus sahaja.

"Kita perlukan lebih daripada 30 peratus golongan wanita untuk meneroka serta melibatkan diri dalam STEM yang menjadi asas penting dalam Industri 4.0.

"Saya juga yakin bahawa wanita mampu menggalas tanggungjawab ini dan menjadi peneraju utama dalam bidang STEM," ucapnya pada Majlis Perasmian Women in Zcience (WIZ) yang berlangsung dekat Tech Dome Penang (TDP) di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng; Ketua Pegawai Eksekutif TDP, Dr. Khong Yoon Loong dan penceramah yang juga pakar Teknologi Maklumat (IT), Chong Chye Neo.

Difahamkan, program WIZ anjuran PWDC bersama TDP dengan kerjasama syarikat Intel berkaitan merupakan penganjuran kali ketiga.

Program yang berlangsung selama dua hari itu melibatkan kira-kira 700 pelajar dari sembilan sekolah dan beberapa institusi pengajian tinggi (IPT).

Antara bengkel yang dijalankan termasuk pengenalan kepada bidang kejuruteraan, robotik, *artificial intelligent* dan program-program lain berkaitan STEM.

Yoon Loong memberitahu, sekiranya para pelajar dapat melengkapkan diri dengan STEM bersama bidang seni ianya merupakan satu langkah baik dalam persaingan era Industri 4.0.

Dalam perkembangan lain, TDP kini sedang mencari pelajar yang berkelayakkan untuk menyertai program memupuk insentif STEM (SNIP).

Sekiranya berminat boleh layari, *http://www.techdomepenang.org/* atau hubungi 04 -262 6663/04-2519915.



**CHONG Eng (berbaju ungu) bergambar kenangan bersama-sama wakil-wakil terlibat dan para peserta pada Majlis Perasmian WIZ di sini baru-baru ini.**



# Hari Bumi: Kesedaran rakyat meningkat sambut baik inisiatif hijau Negeri

**SABAN** tahun, Hari Bumi diraikan pada tanggal 22 April di seluruh dunia sebagai salah satu usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab dalam melindungi bumi serta ekosistemnya.

Pelbagai aktiviti atau program berkaitan alam sekitar dianjurkan sama ada oleh agensi kerajaan mahupun pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) bagi meningkatkan kesedaran masyarakat.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad turut melancarkan Hari Bumi di Taman Tugu, Kuala Lumpur dengan harapan 4,000 batang pokok hutan hujan asli Malaysia yang ditanam di situ dikekalkan untuk generasi akan datang.

Malah, beliau berpandangan bahawa negara tidak akan diiktiraf sebagai sebuah negara maju sekiranya sungai dan udara masih tercemar serta hutan belantara terancam.

Di Pulau Pinang, jika diamati, kesedaran terhadap alam sekitar mulai mekar selepas pelbagai inisiatif hijau yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri mula mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan rakyat di negeri ini.

Wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama wartawan pelatih **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN** sempat menemu ramah beberapa responden bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai Sambutan Hari Bumi tahun ini.



MOHAMMAD Ikhwan Ibrahim.

Bagi artis arca pasir, **MOHAMMAD IKHWAN IBRAHIM**, 29, beliau menjadikan hasil arca pasir sebagai medium untuk beliau menyampaikan sesuatu mesej.

"Hari ini (22 April) saya berkesempatan menyempurnakan arca pasir 'Harimau Malaya' sempena Sambutan Hari Bumi untuk tatapan umum di Ruang Legar Pasar Chowrasta (George Town).

"Bertepatan dengan tema Sambutan Hari Bumi tahun ini iaitu *'Protect Our Species'*, saya hasilkan arca berbentuk harimau Malaya yang banyak mendiami kawasan hutan belantara di negara ini.

"Namun, nasib haiwan ini kini diancam kepupusan dan saya dimaklumkan bahawa hanya terdapat sekitar 250 ekor sahaja kini.

"Sekiranya kita tidak memelihara atau memberi perlindungan sewajarnya terhadap spesies harimau ini, mungkin generasi masa hadapan tidak lagi mengenali harimau Malaya.

"Mungkin tugas melindungi harimau Malaya ini terletak di tangan pihak berkuasa, namun sebagai rakyat, kita perlu mengambil peduli dengan mengurangkan ancaman terhadap populasi harimau Malaya.

"Oleh itu, saya mengambil peluang menyampaikan mesej berkaitan kepupusan spesies haiwan tertentu melalui penghasilan arca pasir, semoga usaha kecil saya ini mampu memberi sedikit pengetahuan serta kesedaran kepada umum," katanya yang lebih mesra dengan panggilan komersial, Ikhwan Saloot.



MOHAMMAD Noor Nadzir Mohamad Nasir.

Dalam pada itu, bagi **MOHAMMAD NOOR NADZIR MOHAMAD NASIR**, 27, penjawat awam di Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut berpendapat bahawa pendidikan adalah tunjang segala-galanya dan untuk meningkatkan kesedaran umum mengenai alam sekitar, ia perlu dimulakan di peringkat sekolah.

Walau bagaimanapun, katanya, pelbagai kempen dan program-program berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar masih perlu dijalankan oleh lain-lain pihak di luar waktu sekolah bagi menyemarakkan lagi rasa kecintaan terhadap bumi ini.

"Bagi saya, program kesedaran tidak hanya pada hari-hari tertentu sahaja sebaliknya boleh menjadikan ia sebahagian daripada silibus dalam pendidikan negara kerana saya berpendapat bahawa pendidikan berkaitan alam sekitar sangat penting dan mesti dilakukan secara berterusan mengikut peredaran masa serta kehendak generasi.

"Atau sekiranya tidak dijadikan silibus pendidikan, mungkin boleh memperbanyakkan lagi program-program berkaitan dan tidak hanya bergantung kepada buku, risalah atau majalah berkaitan alam sekitar semata-mata," jelasnya ketika ditemui baru-baru ini.



HARON Alsomadi Md. Kamal.

Perkara itu, turut disokong oleh teman sepejabat, **HARON ALSOMADI MD. KAMAL**, 37, yang mahu melihat lebih banyak kempen kesedaran alam sekitar yang bersifat interaktif diadakan, sesuai dengan kehendak generasi hari ini.

"Generasi hari ini lebih dekat dengan gajet-gajet mudah alih dan mudah 'jatuh cinta' dengan permainan alam maya.

"Jadi, sekiranya ada program yang bersifat interaktif dan mengikut trend terkini pasti menarik, tidak hanya melaungkan slogan-slogan tertentu sahaja.

"(Dan) untuk melihat sejauh mana sesuatu usaha itu berjaya atau tidak, boleh dilihat dengan sikap masyarakat, sejauh mana mereka mengamalkannya dan bercakap mengenainya dalam kehidupan harian," ujarnya yang turut mengambil inisiatif mengamalkan pengasingan sisa di punca di rumah sebagai menyahut seruan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



B. Kumarathevan.

Bagi **B. KUMARATHEVAN**, 49, beliau berpandangan bahawa masyarakat perlu mengubah sikap dan menjadi lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

"Kita mesti melihat amalan seperti tidak membuang sampah di merata-merata atau menyokong program-program berkaitan alam sekitar sebagai tanggungjawab bersama.

"Saya percaya setiap daripada kita boleh menyumbang terhadap pemeliharaan serta pemuliharaan alam sekitar, iaitu mungkin melalui penyertaan dalam gotong-royong atau berkempen bagi mewujudkan kesedaran awam.

"Secara peribadi, saya sendiri menggunakan platform saya sebagai penceramah motivasi untuk menyampaikan mesej kecintaan terhadap alam sekitar termasuk isu-isu berkaitan kebersihan di kawasan kejiranan," responsnya sambil berkongsi pengalaman menyampaikan motivasi kepada umum.

Berbeza dengan pandangan **R. NIRMALA**, 49, seorang pekerja pembersihan di salah sebuah syarikat pembersihan swasta, beliau mencadangkan agar setiap rumah mempunyai sekurang-kurangnya sebatang pokok.

"Saya mencadangkan agar setiap rumah mesti mempunyai sekurang-kurangnya satu pokok atau mesti menanam sekurang-kurangnya satu batang pokok sepanjang hayatnya sebagai tanda sokongan (sambutan) Hari Bumi.

"Pokok sangat penting kerana pokok mampu menyelamatkan bumi daripada pencemaran dan memberi hidupan lain oksigen.



R. Nirmala.

"Kita perlu kurangkan penebangan hutan, kurangkan pencemaran pasti bumi kita sejahtera," katanya yang agak segan silu ketika ditemu bual.

Begitu juga **RAY IKELAN**, 35, penjawat awam di Pejabat Daerah Timur Laut yang berkongsi teknik kecekapan tenaga semasa merebus telur.

"Pada pandangan saya, perkara harian yang kecil-kecil yang kita lakukan di rumah juga mampu menyumbang ke arah pemeliharaan alam sekitar.

"Misalnya untuk merebus telur, kita boleh mendidihkan air dalam periuk…apabila air mendidih, masukkan telur dan biar seketika sebelum kita menutup periuk dan api masakan.

"Biar telur dalam periuk selama 10 minit, pasti hasilnya anda akan mendapat tekstur telur yang lembut dan pada masa sama menjimatkan penggunaan gas," ceritanya yang turut mengamalkan diet sihat dalam pengambilan makanan harian.



RAY Ikelan.

# Caj beg plastik 50 sen, umum positif namun perlu penelitian lanjut

**PULAU** Pinang bercadang untuk menaikkan caj beg plastik daripada 20 sen kepada 50 sen seunit sebagai usaha mengurangkan penggunaan bahan tersebut.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh menyatakan bahawa usaha tersebut merupakan salah satu kaedah bagi menampung kos pengurusan sisa beg plastik, sekaligus menjamin kelestarian alam sekitar.

Malah, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow turut menyokong cadangan tersebut namun sudah pasti beliau menekankan penelitian serta perbincangan lanjut daripada pihak-pihak berkaitan sebelum pelaksanaan ia, selaras dengan visi *Penang2030* yang memberi penekanan terhadap pembangunan keluarga di dalam sebuah negeri yang hijau serta pintar.

Wartawan Buletin Mutiara, **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN** dan jurugambar, **LAW SUUN TING** berkesempatan menemubual beberapa umum bagi mendapatkan pandangan berhubung cadangan tersebut.

## APA KATA MEREKA?



S. Rajindran.

**S. RAJINDRAN**, 37, Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi kawasan Pengkalan Weld mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri mengambil inisiatif dengan menghasilkan beg kain atau *'fabric bag'* dan kemudian mengedarkan ia secara percuma kepada orang ramai.

Kaedah itu, katanya, adalah lebih sesuai berbanding menaikkan caj beg plastik.

"Kain-kain yang tidak digunakan boleh dikitar semula sebagai beg kain, dan beg ini boleh digunakan dalam jangka masa panjang seperti beg IKEA.

"Kerajaan boleh bekerjasama dengan kilang-kilang yang menghasilkan kain dan memproses beg kain dalam saiz besar kerana beg ini boleh digunakan untuk beberapa tahun," sarannya.

Bagi **NURAZLINA AZAD KHHAN**, 42, seorang tukang kasut, beliau pula kurang bersetuju terhadap cadangan tersebut kerana menyifatkan langkah berkaitan tidak akan menyelesaikan masalah penggunaan beg plastik secara menyeluruh.

"Harga beg plastik sekarang sudah mahal walaupun ia hanya RM0.20… bagi mereka yang kurang mampu mereka sanggup bayar, tapi kepada yang berpendapatan rendah mereka memilih untuk membawa beg kitar semula atau plastik sendiri.

"Adakalanya masyarakat akan mengambil sikap sambil lewa dan sanggup menghulurkan sahaja RM0.50 kerana penggunaan beg plastik dapat memudahkan urusan mereka semasa membeli-belah.



NURAZLINA Azad Khhan.

"Oleh itu, saya cadangkan kepada warga negeri untuk membawa beg plastik sendiri dengan meletakkan ia di dalam poket atau dalam beg tangan bagi memudahkan urusan masing-masing tanpa membebankan alam sekitar," serunya.

Bagi **NG KAN WENG**, 83, seorang pesara, bersetuju terhadap cadangan tersebut dan menyatakan bahawa beliau sentiasa menggunakan beg kitar semula semasa membeli-belah kerana caj beg plastik kini sebanyak RM0.20 sudah dikira sangat mahal.



NG Kan Weng.

"Idea untuk menaikkan caj kepada 50 sen sudah tentu akan memberi kesan ketara kepada pengguna bahkan peniaga yang menjalankan perniagaan.

"Sememangnya idea ini akan mengurangkan penggunaan beg plastik dalam kalangan rakyat kerana setiap kali membeli-belah, mereka akan fikir beberapa kali sebelum membeli plastik," maklumnya.

**R. THARMARAJAN**, 46, penyelia sebuah pasar raya, menyatakan bahawa Kerajaan Negeri boleh menaikkan caj beg plastik kepada harga yang lebih berpatutan seperti RM0.30 dan bukannya RM0.50.

"Kenaikan tersebut kemungkinan tidak memberi apa-apa kesan kepada golongan berpendapatan tinggi, tetapi kepada golongan berpendapatan rendah, RM0.50 adalah tinggi.

"Kadang-kadang ada pelanggan yang terlupa membawa beg plastik sendiri dan meminta kotak daripada pekerja pasar raya untuk meletakkan barangan yang dibeli," jelasnya.



R. Tharmarajan.



MAT Abdul Rahim.

Nada sama diutarakan **MAT ABDUL RAHIM**, 79, pemandu teksi yang nyata tidak bersetuju dengan cadangan kenaikan caj beg plastik berkenaan.

"Sudahlah rakyat susah… dengan kenaikan harga beg plastik mereka akan lebih susah," katanya.

Bagi **TAN CHIU PENG**, 37, beliau memilih untuk menggunakan lebih banyak beg kitar semula sekiranya caj beg plastik dinaikkan.

"Saya sentiasa bawa beg kitar semula kerana ia akan menjimatkan perbelanjaan.

"Idea Kerajaan Negeri ini sangat baik berikutan ramai dalam kalangan kita banyak menggunakan beg plastik.

"Jadi, kita perlu hentikan penggunaan beg plastik dan mula membawa beg kitar semula semasa beli-belah," katanya sambil menambah Pulau Pinang berpotensi menjadi sebuah negeri bersih dan hijau sekiranya cadangan itu dilaksanakan kelak.



TAN Chiu Peng (kanan).



OOI Chun Choon.

**OOI CHUN CHOON**, 72, pesara, pula berharap agar Kerajaan Negeri menutup kilang-kilang yang menghasilkan plastik dan bukannya menaikkan harga beg plastik.

"Walaupun harga mungkin akan naik kepada RM0.50, masih akan ada orang yang sanggup 'menyumbang' wang tersebut kerana kadang-kadang kita tidak ada niat nak pergi pasar raya atau terlupa membawa beg plastik," ulasnya.

**CHANDRASEGARAN**, 60, yang juga seorang pemandu teksi pula bersetuju terhadap cadangan tersebut kerana beliau berpendapat langkah itu mampu mengurangkan penggunaan beg plastik di negeri ini.

"Saya sendiri akan bawa beg kitar semula atau beg plastik sendiri semasa beli-belah.

"Oleh itu, saya sarankan kepada orang ramai untuk membawa beg plastik masing-masing demi masa depan generasi akan datang.

"Jika harga naik kepada RM0.50, penggunaan beg plastik ini akan berkurangan dan mesti mereka memilih untuk bawa beg sendiri," maklumnya.



CHANDRASEGARAN.



T. Rajaeswari.

**T. RAJAESWARI**, 21, juruwang, pula berharap agar harga beg plastik akan terus dikekalkan pada RM0.20.

"Peningkatan harga beg plastik daripada RM0.20 kepada RM0.50 amat mahal dan akan memberi kesan kepada golongan yang berpendapatan rendah," jelasnya.

# Kualiti makanan dan kebersihan premis, MBPP tegas laksana penguatkuasaan

Oleh : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Sebanyak 19 kompaun dikeluarkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kepada pemilik premis makanan yang dikesan gagal mengekalkan kebersihan dalam operasi bersepadu di sini 10 April lalu.

Ahli Majlis bagi MBPP merangkap Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Wong Yuee Harng berkata, pembuangan sisa makanan dan sisa minyak oleh pengusaha premis makanan ke dalam parit mengakibatkan longkang tercemar dan berbau busuk selain menyekat sistem saliran air.

"Perbuatan tidak bertanggungjawab ini telah menyumbang kepada berlakunya kejadian banjir kilat dan telah mencemarkan sungai serta pantai.

"Setiap tahun, MBPP terpaksa membelanjakan jutaan ringgit untuk membersihkan parit biasa dan parit besar.

"Walaupun pendidikan mengenai pengendali kualiti makanan dan kebersihan premis dilaksanakan, namun masih terdapat peniaga yang tidak mengambil berat tentang tanggungjawab menjaga premis sendiri," katanya pada sidang media sejurus operasi berkaitan.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP, Mubarak Junus; Dr. Judy Shoba Naidu (Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pelesenan MBPP), Azman Sirun (Pengarah Bahagian Perlesenan MBPP) serta barisan Ahli Majlis bagi MBPP.

Terdahulu, MBPP mewajibkan semua premis makanan memasang perangkap minyak dan sampah daripada syarikat pembekal yang diiktiraf Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) Berhad.

Difahamkan, pemilik premis makanan yang gagal menyediakan atau menyelenggara perangkap minyak dengan sempurna boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan termasuk menghentikan operasi atau membatalkan lesen perniagaan.

Perkara itu selaras dengan peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-undang Kecil Establishment Makanan 1991 termasuk Undang-undang Kecil Kebersihan dan Keselamatan Awam 1980.

Mengulas lanjut, Yuee Harng menyatakan bahawa Seksyen 69, Akta Kerajaan Tempatan 1976 memperuntukkan bahawa seseorang yang melakukan gangguan atau mengotorkan mana-mana saluran air dan parit awam boleh dikenakan kompaun sebanyak RM500 bagi setiap kesalahan.

"Sekiranya disabitkan kesalahan di mahkamah, pihak berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

"Justeru, MBPP amat tegas dalam melaksanakan penguatkuasaan terhadap pengusaha atau pemilik premis perniagaan yang enggan memberi kerjasama berkaitan isu ini," ulasnya.

Sebagai rekod, MBPP telah mengeluarkan 313 kompaun pada 2018, manakala bagi tahun ini (36 kompaun) sehingga Februari lepas.



**TIDAK memasang perangkap minyak antara kesalahan yang dikenal pasti.**



**WONG Yuee Harng (berkemeja merah) pada sidang media sejurus operasi bersepadu yang dijalankan di sini baru-baru ini.**

# Pemilik premis gagal jelaskan cukai taksiran bakal terima notis

**GEORGE TOWN** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bakal menyerahkan notis pertama bagi tahun ini kepada pemilik-pemilik premis yang gagal menjelaskan bayaran cukai taksiran.

Pengarah Perbendaharaan MBPP, Suhaida Kamalul Arifin menyatakan bahawa kira-kira 54,972 premis gagal menjelaskan cukai taksiran bagi pegangan harta masing-masing sehingga 28 Februari lalu dengan tunggakan berjumlah RM58,332,933.

"Tunggakan tinggi ini jelas memberikan impak besar kepada hasil MBPP yang akan diguna pakai untuk penyediaan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan kepada seluruh penduduk di negeri ini.

"Oleh itu, pihak Majlis sedang menggiatkan operasi sitaan harta mudah alih bagi pegangan yang mempunyai tunggakan.

"Justeru, pemilik premis digesa supaya mengambil langkah segera dengan menjelaskan tunggakan bagi mengelakkan daripada harta mudah alih mereka disita," katanya pada sidang media di sini 8 April lalu.

Difahamkan, Seksyen 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976 membolehkan pihak berkuasa tempatan (PBT) menyita apa-apa harta mudah alih di dalam premis yang mempunyai tunggakan untuk dilelong.

Dalam perkembangan berkaitan, Suhaida Kamalul turut memaklumkan bahawa MBPP telah mewujudkan Kod QR pada bil cukai taksiran mulai 1 April 2019 bagi memudahkan urusan pembayaran.

"Pemilik harta hanya perlu memuat turun aplikasi *SnapnPay* dan seterusnya mengimbas pada QR Kod untuk membuat bayaran," jelasnya.

Sebelum itu, beliau bersama-sama Ahli Majlis bagi MBPP menyempurnakan acara cabutan bertuah sempena program Cabutan Bertuah Pembayaran Bil Cukai Taksiran Setahun 2019.

Sebanyak 50 hadiah menarik disediakan seperti basikal, telefon bimbit, *smart TV*, komputer riba dan baucar membeli-belah yang akan disampaikan menjelang Mei ini.

Senarai 50 pemenang akan dipaparkan di laman sesawang *www.mbpp.gov.my*.

Sebagai rekod, sebanyak 58,386 akaun telah membuat bayaran cukai taksiran setahun pada tahun ini dengan jumlah bayaran berjumlah RM17,645,164.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi talian 04 - 259 2178 atau 04-259 2342 Unit Kadar, Bahagian Hasil, Jabatan Perbendaharaan MBPP.

## Pertandingan Memasak Di Dalam Taman medan tunjuk bakat, jana kreativiti

**GEORGE TOWN** - Pertandingan Memasak Di Dalam Taman anjuran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) boleh dijadikan platform untuk pelajar serta mahasiswa menonjolkan bakat masing-masing.

Pengarah Jabatan Khidmat Kemasyarakatan MBPP, Rashidah Jalaludin berkata demikian ketika merasmikan acara komuniti tersebut di sini 13 April lalu.

"Menerusi penganjuran ini, ia mungkin dapat menyemai minat dalam kalangan pelajar untuk menjadikan (bidang) kulinari sebagai karier mereka di masa hadapan.

"Selain berkebolehan dalam bidang masakan, saya turut kagum dengan bakat dan kreativiti mereka dalam penyediaan serta hiasan yang ditampilkan," ujarnya pada penganjuran yang berlangsung di Taman Perbandaran MBPP.

Menurut Rashidah, tiga kategori dipertandingkan iaitu Terbuka, Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

"Acara kraf tembikai serta beberapa pertandingan berasaskan aspek kesenian turut diadakan dalam majlis sama, demi menjana kreativiti dalam kalangan peserta.

Pada hujung acara komuniti itu, turut menyaksikan Rosni Johari dan Hasyati Ismail muncul sebagai juara Kategori Terbuka, sementara pasangan, Lam Kam Lin dan Yanti Isa di tempat kedua. Tempat ketiga disandang Nurul Natasya Sany serta Nurul Husna Yaakub.

Bagi Kategori Universiti, Muhammad Haziem dan Addy Timothy Juanis dipilih sebagai johan, apabila menewaskan dua lagi pasangan iaitu Foong Ji Jun dan Tang Mei Wei serta Yeoh Chun Teong dan Kelven Ooi Kai Boon.

Bagi Kategori Sekolah Menengah, pasangan Nesha Adeela dan Siti Aisyah muncul juara, manakala, tempat kedua dimenangi oleh pasangan Muhammad Haziq Amsyar dan Muhammad Amirul Amir dan ketiga, Fatin Nurelyana serta Siti Zulaiqha.



**SALAH satu pasangan yang mengambil bahagian memberikan *pose* istimewa pada penganjuran Pertandingan Memasak Di Dalam Taman MBPP di sini baru-baru ini.**

# Bukit Suling sebagai kawasan ekopelancongan, saran ADUN

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MPSP**



GAMBAR berkumpulan yang dirakam sebagai kenangan.

**PENANTI –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin berharap agar Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dapat membangunkan Bukit Suling sebagai kawasan ekopelancongan.

Beliau berkata, Bukit Suling (Bukit Langkap) dan kawasan sekitarnya mempunyai pelbagai daya tarikan dan kemudahan yang berpotensi untuk dijadikan sebagai salah satu destinasi pelancongan popular di negeri ini.

"Di sini juga pernah dijalankan pertandingan burung dan pertunjukkan kapal terbang kawalan jauh yang lengkap dengan landasan.

"Oleh itu, diharapkan pihak MPSP dapat bantu bangunkan Bukit Suling ini sebagai kawasan pelancongan," katanya semasa merasmikan program *Forest Bathing* anjuran MPSP dekat Bukit Suling di sini pada 13 April lalu.

Turut hadir, Ahli Majlis bagi MPSP, Bernard Cheen Goon Hooi; pemilik Bukit Suling, Ong Chin Chye; Pengerusi Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Tan Choo Eng serta ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan MPSP.

Difahamkan, program *Forest Bathing* merupakan konsep yang mula-mula diperkenalkan di Jepun pada tahun 1980-an dengan gelaran 'Shirin-Yoku'.

Ia adalah asas penjagaan kesihatan dan pencegahan dalam perubatan Jepun yang melibatkan aktiviti riadah di hutan hijau sambil menghirup udara serta menikmati keindahan alam selain menjadi terapi minda untuk mendapatkan ketenangan.

Dalam pada itu, Goon Hooi semasa berucap menyatakan bahawa MPSP komited melaksanakan visi *Penang2030* iaitu *'A Family-focused Green and Smart State that Inspires the Nation'*.

"Selaras dengan wawasan *Penang2030*, MPSP merupakan sebuah organisasi berorientasikan rakyat yang memperkasakan masyarakat dengan menggalakkan mereka membuat keputusan dalam program-program pembangunan.

"Salah satu keutamaan strategik yang berpaksikan rakyat adalah memperkembangkan gaya hidup sihat dalam kalangan penduduk di Seberang Perai," ujarnya mewakili Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod pada majlis berkenaan.

Pada program tersebut, kira-kira 200 peserta yang mengambil bahagian dibawa mendaki Bukit Suling berkeluasan 3.38 ekar dan berketinggian 180 meter sambil menghirup udara segar serta menikmati keindahan flora dan fauna.

## Fokus MPSP jadikan Seberang Perai bandar pintar, rendah karbon 2022 dipuji

**SEBERANG JAYA -** Kira-kira 220 penduduk setempat mengambil bahagian dalam sesi dialog awam *(town hall)* Bajet MPSP 2020 bersama-sama Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo pada 6 April lepas.

Ketika berucap, Jagdeep memuji pentadbiran Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud kerana dilihat begitu fokus dalam menjadikan Seberang Perai diiktiraf sebagai Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar pada tahun 2022 kelak.

Katanya, komitmen MPSP dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan berdasarkan tinjauan dan maklum balas awam juga wajar dipuji.

"Untuk merealisasikan mutu piawaian perkhidmatan setanding peringkat antarabangsa, MPSP mesti memastikan infrastruktur, persekitaran, tadbir urus perbandaran dan kemudahan komuniti dapat diurus dengan baik demi memenuhi ekspektasi yang begitu tinggi oleh Kerajaan Negeri, penduduk, pekerja, pemegang taruh serta pelabur.

"Saya sangat bangga dengan usaha MPSP dengan mengadakan sesi dialog awam ini, ia merupakan peluang yang berharga untuk penduduk Seberang Perai menyuarakan pandangan, cadangan, aduan serta idea mereka.

"(Dialog awam) ini adalah pentas untuk saling berinteraksi secara langsung dengan MPSP, ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat ketika menggulung sesi dialog awam yang berlangsung di sini.

Selain itu, Jagdeep turut memohon Rozali mempertimbang permohonan kenaikan elaun kepada barisan Ahli Majlis, memandangkan mereka masing-masing begitu bekerja keras dalam mereputasi nama baik MPSP serta kualiti hidup penduduk Seberang Perai.

Dalam pada itu, Rozali ketika menyampaikan ucapan alu-aluan memberitahu bahawa sesi dialog awam berkaitan telah masuk tahun ketujuh penganjuran oleh MPSP.

"Sesi ini adalah demi memastikan setiap peruntukan yang dibelanjakan oleh MPSP adalah berdasarkan keutamaan yang dihasratkan oleh penduduk Seberang Perai sendiri.

Menurut beliau, berdasarkan tinjauan awam yang dibuat secara atas talian, responden menyuarakan pelbagai keperluan mengikut keutamaan, seperti menaik taraf kemudahan awam, meningkatkan peluang pekerjaan, memberi keutamaan kepada orang kurang upaya (OKU), melaksanakan projek inisiatif kehijauan alam sekitar, meningkatkan partisipasi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebagai rakan strategik kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sesi dialog awam tersebut turut disertai ADUN Berapit, Heng Lee Lee serta perwakilan daripada pelbagai agensi seperti Think City Sdn. Bhd., Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK), barisan Ahli Majlis MPSP serta para pemegang taruh setempat.




JAGDEEP Singh Deo, Heng Lee Lee dan Sr. Rozali Mohamud merakam gambar kenangan pada penganjuran Sesi Dialog Awam Bajet MPSP 2020 di sini baru-baru ini.



# ADUN Jawi agih buku latihan kepada pelajar SJKT terpilih

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**JAWI -** Pusat Khidmat Rakyat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye menyerahkan kira-kira 610 bantuan buku latihan kepada 122 pelajar Tahun Enam terpilih daripada lima Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) setempat.

Pegawainya memberitahu bahawa pelajar-pelajar berkaitan adalah dari SJKT Nibong Tebal, SJKT Ladang Byram, SJKT Ladang Changkat, SJKT Ladang Kerian dan SJKT Ladang Jawi.

"Biasanya, kita buat untuk SJKC (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina) sahaja, tapi ada permohonan daripada SJKT juga, jadi kita laksanakan.

"Permohonan oleh sekolah-sekolah ini dibuat pada November tahun lepas tapi pemberian dilewatkan kerana kita ingin mendapatkan pengesahan daripada pihak sekolah berhubung jenis buku yang akan digunakan oleh pelajar pada persekolahan 2019," jelasnya kepada Buletin Mutiara di sini 2 April lalu.



PEGAWAI Pusat Khidmat Rakyat ADUN Jawi menyerahkan buku latihan kepada pelajar Tahun Enam terpilih daripada lima SJKT setempat di sini baru-baru ini.


BELMONT SQUARE & BELMONT RESIDENCES








RUMAH TERES 3 TINGKAT
Keluasan Rumah: Min 2515 kps - Mak 2644 kps
Keluasan Tanah: Min 1260 kps - Mak 1323 kps

RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT
Keluasan Rumah: Min 3684 kps - Mak 3734 kps
Keluasan Tanah: Min 2798 kps - Mak 4004 kps

RUMAH KEDAI 3 TINGKAT
Keluasan Tanah: 1205 kps
Keluasan Binaan: 2945 kps

Hakmilik Kekal
5% Diskaun untuk Bumiputera

Pemaju:
GTM LAND & PROPERTY SDN BHD (890111-A)
No. 3406, Level 5, Jalan Machang Bubok 2, Kelab Rekreasi Tropika (Vangohh Eminent), 14020 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Tel: 017 430 0366 / 017 430 0399 Email: sales@gtmgroup.com.my

- No. Lesen Pemaju: 11621-5/04-2020/0353 (L) • Tempoh Sah: 10/04/2018 hingga 09/04/2020
- No. Permit Iklan & Jualan: 11621-5/04-2020/0353 (P) • Tempoh Sah: 10/04/2018 hingga 09/04/2020
- Pihak Berkuasa yang meluluskan: Majlis Perbandaran Seberang Perai • No. Pelan Bangunan: MPSP/40/20-57/3
- Pegangan Tanah: Hakmilik kekal • Bebanan Tanah: Malayan Banking Berhad • Tarikh Dijangka Siap: 31Disember 2019
- Jumlah Unit: Rumah Kedai 3 Tingkat - 28 unit, Rumah Teres 3 Tingkat -20 unit, Rumah Berkembar 3 Tingkat -8 unit
- Harga Jualan: Rumah Kedai 3 Tingkat - Min: RM 2,000.000.00 - Mak: RM 4,300,000.00,
  Rumah Teres 3 Tingkat - Min: RM 827,400.00 – Mak: RM 1,023,582.00,
  Rumah Berkembar 3 Tingkat - Min: RM 1,378,020.00 - Mak: RM 1,683,192.00

# Program Ambang Ramadan KADUN Bukit Tengah unik



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tengah, berkemeja putih dan berkaca mata) dan Gooi Hsiao-Leung (tengah, berkemeja putih) bergambar kenangan bersama-sama para pelajar yang mengambil bahagian dalam penganjuran Program Ambang Ramadan peringkat KADUN Bukit Tengah di sini baru-baru ini.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADUN**

**BUKIT TENGAH –** Program Ambang Ramadan peringkat KADUN Bukit Tengah yang diadakan di Sekolah Kebangsaan (SK) Kebun Sireh pada 13 April lalu berlangsung meriah.

Dianjurkan oleh Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bukit Tengah, program julung kali itu bertujuan menyambut ketibaan bulan Ramadan tidak lama lagi.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)nya, Gooi Hsiao-Leung, program tersebut juga bertujuan memberi didikan kepada kanak-kanak mengenai bulan puasa.

"Saya difahamkan oleh Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) bahawa pengisian dalam program ini sangat unik dan merupakan yang pertama diadakan di negeri ini.

"Adalah sesuatu yang menyeronokkan apabila kita berpeluang melihat telatah anak-anak yang mempamerkan bakat dalam pertandingan (azan, hafazan, bercerita dan nyanyian lagu nasyid) yang diadakan.

"Lebih mempesonakan apabila kakitangan Pejabat Agama Daerah (SPT) juga turut membuat persembahan.

"Saya percaya, tanpa bimbingan dan tunjuk ajar daripada ustaz, ustazah, guru dan ibu bapa, tidak mungkin anak-anak ini dapat mempamerkan kebolehan, kepintaran, kreativiti dan keberanian mereka dalam khalayak ramai," katanya semasa merasmikan program berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I yang juga ADUN Pinang Tunggal, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Difahamkan, seramai 175 murid Tahun Satu hingga Tahun Enam dari sekolah dan Kelas al-Quran dan Fardu 'Ain (KAFA) di sekitar KADUN Bukit Tengah mengambil bahagian dalam program tersebut.

Antaranya, Sekolah Kebangsaan (SK) Permai Indah, SK Kebun Sireh, KAFA Nurul Ehsan Bagan Nyior dan KAFA Masjid Kampung Sekolah.

# Timbalan Menteri ziarah rumah mangsa rosak dipukul hujan ribut

**PULAU BETONG -** Hujan ribut lebat pada 23 Mac lepas telah mengakibatkan kerosakan serius sebuah rumah di Kampung Sungai Burung di sini.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni & Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik berkata demikian kepada pihak media ketika menziarahi mangsa, Abdul Razak Abu, 58, baru-baru ini.

Selain merakamkan ucapan takziah, Muhammad Bakhtiar yang juga Ahli Parlimen Balik Pulau turut menyerahkan cek sumbangan kepada keluarga mangsa.

Dalam pada itu, Abdul Razak memberitahu bahawa kejadian berlaku kira-kira jam 2.20 pagi.

"Waktu itu, saya sekeluarga memang berada di ruang tamu, tiba-tiba semua bumbung rumah terbang dipukul hujan ribut, dengan sekelip mata sahaja," jelasnya sambil merakamkan penghargaan atas sumbangan Ahli Parlimen serta lawatan pegawai Kerajaan Negeri berkenaan.



MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (tiga dari kiri) menyerahkan cek sumbangan kepada Abdul Razak Abu di pekarangan rumah beliau di sini baru-baru ini.

## Syarikat pemprosesan arang batu tanpa lesen diarah tutup serta-merta

**BAGAN JERMAL –** Sebuah syarikat yang menjalankan kerja-kerja menyimpan dan memproses arang batu tanpa kebenaran dekat Jalan Kampung Gajah, di sini diarah menghentikan operasi serta-merta.

Arahan tersebut dikeluarkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melalui notis kesalahan di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 bertarikh 6 April 2019 selepas operasi bersepadu dijalankan di kawasan terbabit.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Ahli Majlis bagi MPSP, K. Kumaran menjelaskan bahawa hasil pemeriksaan mendapati pihak syarikat terbabit telah melakukan beberapa kesalahan seperti beroperasi tanpa lesen serta lokasi yang tidak sesuai.

"Berikutan aduan diterima oleh pihak Majlis daripada penduduk setempat, satu operasi bersepadu telah diadakan pada 5 April lalu.

"Pihak Majlis mengambil serius mengenai isu ini dan saya meminta pihak Kejuruteraan MPSP mengeluarkan satu notis untuk menghentikan operasi dan pihak syarikat berkenaan diarah untuk mengosongkan kawasan ini dalam tempoh masa 14 hari," katanya pada sidang media selepas meninjau tapak operasi berkenaan pada 9 April lalu.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal merangkap Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Ahli Majlis bagi MPSP, Khong Chee Seong; Penyelaras Khas Parlimen Bagan, Tan Kong Chong serta wakil syarikat berkaitan.

Justeru, Kumaran berharap agar pihak-pihak berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kesihatan Negeri turut mengambil tindakan sewajarnya terhadap syarikat berkenaan di bawah akta sedia ada.

"Lokasi pemprosesan arang batu ini tidak sesuai kerana tempatnya terbuka serta berdekatan dengan kawasan perumahan dan sekolah.

"Kita tidak mahu kesan pencemaran daripada sisa bahan ini menjejaskan kesihatan penduduk di sini," tegasnya.

Difahamkan, arang batu yang diproses adalah sejenis bahan bakar bagi kegunaan industri peleburan besi yang dipercayai masuk dari luar negara sejak 28 Mac lalu.

Dalam pada itu, Lip Chee menegaskan bahawa Kerajaan Negeri tidak menghalang mana-mana pihak untuk menjalankan perniagaan di negeri ini, namun perlu mematuhi peraturan agar tidak mendatangkan kesan buruk kepada orang ramai.

"Selaku ADUN, saya sentiasa beritahu bahawa sesiapa sahaja yang mahu menjalankan perniagaan di negeri ini mesti memohon kebenaran (berlesen) dan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan," jelasnya.



SOON Lip Chee menunjukkan arang batu telah diproses pada lawatan sekitar kawasan tapak operasi syarikat berkenaan di sini baru-baru ini.

## Bakat Si Cilik - Mewarna 1/2019

BERSATU DAN SETIA

PENANG 2030



Sila isi butiran berikut:

Nama : ..........................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..........................................

Alamat: ..........................................

..........................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..........................................

No. Telefon : (Rumah) .................. (Bimbit) : ..................

Emel: ..........................................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **1 Februari 2019** hingga **31 Mei 2019.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM250**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**